

JAWATAN YANG DI-PERTUA ADAT ISTIADAT NEGARA BERTARAF MENTERI

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Mei. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam, dengan ini dimaklumkan bahawasanya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perintah mulai Isnin, 26 Syawal 1445 bersamaan 6 Mei

2024, jawatan Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara yang pada masa ini disandang oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar, adalah merupakan jawatan yang bertaraf Menteri.

KHEU anjur Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Datin hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di Lantai Bawah Bangunan Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Rimba dan seterusnya bergambar ramai bersama warga Kementerian Hal Ehwal Ugama.



KAMPUNG RIMBA, Ahad, 5 Mei. - Kelebihan Hari Raya Aidilfitri setentunya merapatkan lagi ukhuwah yang sedia terjalin sama ada yang jauh mahupun dekat di samping menghulur tangan bermaaf-maafan sesama sendiri.

Dalam menyambut kemeriahan Aidilfitri, sebelum melabuhkan tirainya, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan jabatan-jabatan di bawahnya pagi tadi mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bertempat di Lantai Bawah Bangunan Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Rimba.

Hadir selaku tetamu kehormat dalam

memeriahkan lagi sambutan tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Datin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa

Selamat oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Saufi bin Haji Suhaini.

>> Muka 2

Memastikan prasarana, kemudahan dapat dinikmati

Oleh : Nooratini Haji Abas

BELAIT, Ahad, 5 Mei. - Keutamaan akan sentiasa diberikan kepada mempertingkatkan taraf kehidupan dan kelestarian penduduk dan masyarakat setempat sepertimana jua rakyat dan penduduk seluruh negara.

Melalui pendekatan senegara, usaha akan terus ditumpukan kepada inisiatif-inisiatif yang memberikan impak terbesar kepada kehidupan sehari penduduk setempat.

>> Muka 6

Komited tingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan terbaik, cemerlang

Oleh : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mei. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sentiasa komited berusaha ke arah meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan bagi pencapaian keberhasilan tahap terbaik dan cemerlang.

Usaha-usaha yang telah diungkayahkan merangkumi penambahbaikan sistem dan prosedur kerja, penelitian ke atas dasar serta undang-undang dan peraturan, memperkesakan pencapaian

>> Muka 5

Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) termasuklah pembangunan dan pengupayaan pendekatan teknologi dalam organisasi.

Sudah setentunya, kejayaan usaha-usaha ini dalam meningkatkan prestasi dan pencapaian yang diinginkan, memerlukan modal insan yang memiliki potensi, minat dan komitmen untuk mencapai tahap prestasi yang tinggi serta memberi tumpuan kepada pencapaian bermutu tinggi dalam bidang tugas yang diamanahkan.



IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

 Pelita Brunei
 pelitabrunei
 pelitabrunei

Berita Utama



MAJLIS Kesyukuran sempena Sambutan HKK 2024

Muka 9



SEMBANG Mesra Hari Raya PKWE

Muka 13



CUNGKIL bakat, kebolehan pelajar melaungkan azan dengan betul

Muka 16



TERKINI dan kontemporari, busana indah Groombybwntouch

Muka 19

KHEU ANJUR MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

>> Muka 1

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Datin; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan isteri; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Awang Haji Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani dan isteri.

Juga hadir, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle

bin Haji Abdul Karim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh; pengarah-pengarah; pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan KHEU.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Datin, Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama dan Datin, Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, jemputan-jemputan khas serta pegawai-pegawai kanan turut berdundun ramah mesra bersama

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat bagi memeriahkan lagi sambutan tersebut.

golongan mualaf, belia masjid dan Muslimah.

Sejurus itu, Yang Berhormat bersama Datin beramah mesra bersama pegawai dan kakitangan KHEU dengan kunjung-mengunjungi ke ruang meja setiap Jabatan, Bahagian, Unit di bawah KHEU yang dihiburkan dengan persembahan dari setiap 'booth'. Acara juga diselenggarakan dengan cabutan nama bertuah. Juga diadakan pengumuman Grand Prize dan Peraduan Manzil Jamil (rumah / halaman cantik).

Majlis ini merupakan salah satu kegiatan sosial berkebakikan warga KHEU bagi mengeratkan hubungan silaturahmi yang lebih mesra dan harmoni sesama warga kementerian serta menerapkan nilai-nilai yang lebih positif dalam hubungan ibarat sebuah keluarga.

MAJLIS ini merupakan salah satu kegiatan sosial berkebakikan warga KHEU bagi mengeratkan hubungan silaturahmi yang lebih mesra dan harmoni sesama warga kementerian (kiri dan kanan).



WAKTU SEMBAHYANG										
Mei	HARI	Syawal	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
6	ISNIN	26	4.37	4.47	6.08	6.31	12.18	3.37	6.26	7.39
7	SELASA	27	4.36	4.46	6.07	6.31	12.18	3.37	6.26	7.39
8	RABU	28	4.36	4.46	6.07	6.30	12.18	3.38	6.26	7.39
9	KHAMIS	29	4.36	4.46	6.07	6.30	12.18	3.38	6.26	7.39
10	JUMAAT	30	4.35	4.45	6.07	6.30	12.18	3.38	6.26	7.39
11	SABTU	1 Zulkaedah	4.35	4.45	6.07	6.30	12.18	3.38	6.27	7.40
12	AHAD	2	4.35	4.45	6.07	6.30	12.18	3.39	6.27	7.40

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan			
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Pekan Bangar			
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Pekan Tutong			
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Kuala Belait			
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

6 MEI 2024

Tugas, tanggungjawab ditanai untuk kesejahteraan semua

SABAN hari, tugas dan peranan Jabatan Bomba dan Penyelamat dilihat semakin meluas serta mencabar yang memerlukan anggotanya sentiasa bersiap sedia untuk menempuh apa jua halangan mendatang. Pada 4 Mei 2024 yang lalu, Jabatan Bomba dan Penyelamat telah menyambut Hari Ulang Tahun Ke-64.

Menelusuri sejarah panjang penubuhan Jabatan Bomba dan Penyelamat, kita telah melihat banyak budi dan jasa yang ditaburkan oleh pasukan itu dalam menjaga keselamatan rakyat negara ini. Mereka bertanggungjawab untuk melindungi dan memberi perkhidmatan profesional bagi menyelamatkan nyawa serta harta demi kesejahteraan rakyat.

Tugas anggota bomba dan penyelamat bukan sesuatu yang boleh dipandang ringan. Hakikatnya peranan mereka merangkumi pelbagai jenis tugas yang memerlukan sentiasa bersedia dari segala aspek untuk menghadapi apa jua rintangan. Mereka juga perlu sentiasa menepati masa kerana dalam menjalankan tugas, setiap saat amat tinggi nilainya apatah lagi jika membabitkan nyawa.

Kebanyakan daripada kita hanya tahu bomba bertanggungjawab untuk memadamkan kebakaran sahaja. Tetapi, sebenarnya anggota bomba menggalas tugas lebih daripada itu. Kes-kes lain seperti menangkap haiwan berbisa di dalam rumah, menyelamatkan anak kucing di atas pokok, memotong besi jika ada kanak-kanak tersepit, kemalangan domestik dan industri yang boleh meragut nyawa antara tugas yang mereka galas. Mereka juga turut melaksanakan khidmat kemanusiaan termasuk perlindungan nyawa dan harta semasa berlakunya apa-apa bencana seperti banjir.

Tugas bomba ini sangat mulia kerana mereka sanggup memperjudikan nyawa sendiri untuk menyelamatkan orang yang kita tidak kenal. Bahkan mereka merupakan pasukan yang berada di hadapan jika berlaku sesuatu yang boleh mengancam nyawa. Kes-kes kebakaran hutan kecil yang berlaku di beberapa tempat baru-baru ini memperlihatkan kehebatan anggota bomba kita memadam kebakaran tersebut tanpa mengira penat lelah.

Kita sebagai anggota masyarakat perlu menghargai dan sentiasa bekerjasama dengan anggota bomba dan penyelamat kerana dengan adanya sikap seperti ini akan memudahkan lagi serta mengurangkan risiko bahaya yang mungkin terjadi. Antara yang dapat kita lakukan ialah dengan memberi laluan apabila mengetahui jika ada kereta bomba meminta jalan disebabkan ada kes seperti kebakaran yang memerlukan mereka berada di tempat kejadian dengan segera. Meskipun ini cuma pertolongan kecil daripada kita tetapi setentunya pihak bomba dan penyelamat sangat menghargainya. Hargailah pengorbanan wira yang tidak didendangkan ini, tugas mereka semata-mata untuk kesejahteraan kita semua. – **Ketua Penyuntingan (Ri)**

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قنراغن، جابتن فردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نکارا برونی

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

KECERDASAN KALBU PENTING UNTUK DEKATKAN DIRI DENGAN ALLAH



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

oleh Pemangku Pengarah Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, KHEU, Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit.

Menyerikan lagi Malam Munajat ialah Tazkirah bertajuk 'Memaknai Kecerdasan Kalbu' disampaikan oleh Pengasas Empowerior Counseling selaku Yang Dipertua PERKAB.

Antara pengisian tazkirah menyatakan bahawa 'Kaunseling, banyak melibatkan hati dan minda. Di dalam Al-Quran kata *qalb* diulang-ulang sebanyak 132 kali manakala kata *aql* pula sebanyak 49 kali. Jelas betapa signifikannya kalbu atau hati sehingga diulang hampir tiga kali ganda banyaknya berbanding *aql*. Inilah antara celik akal berharga yang diperoleh kaunselor dalam proses membantu menyejahterakan klien mereka.

Tazkirah malam tadi juga mengetengahkan kekuatan atau kecerdasan kalbu (EQ & SQ) dari perspektif psiko spiritual, sekali gus cuba memahami potensi luar biasa kalbu yang belum banyak diketahui kerana terlalu bergantung pada kecerdasan minda (IQ) semata-mata.

Pengisian tazkirah seterusnya menyingkap kepentingan kecerdasan kalbu secara saksama sebagai katalis ke arah kehidupan yang lebih bermakna terutama dalam misi mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Tazkirah juga membawakan satu bentuk introspeksi ke arah perwujudan mentaliti atau pandangan yang saintifik dan holistik iaitu mengakhiratkan

kehidupan peribadi dan profesional melalui kecerdasan kalbu.

Antara hikmah yang akan dipelajari ialah Prinsip dan konsep kecerdasan kalbu; Jalanan unik antara aspek kejiwaan (psikologi) dan kerohanian serta strategi praktikal membangunkan kecerdasan emosi dan kecerdasan kalbu.

Sejurus selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah oleh Pembimbing Rakan Sebaya Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin Tahun 10A4, Awang Muhammad Asnawi Safiuddin bin Ibrahim.

Bagi mengakhiri acara, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Imam Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Awang Haji Mohd Ashraf bin Haji Bujang.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan kerohanian, meminta keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat dari segala bala bencana dan penyakit merbahaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap Sabtu Malam Ahad secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheu> atau <https://www.facebook.com/pdi.kheu>.

TURUT menyertai Malam Munajat tersebut ialah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mei. - Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) diteruskan lagi malam tadi untuk kali ke-133 dan minggu ini mengundang tetamu khas, Pengasas Empowerior Counseling selaku Yang Dipertua Persatuan Kaunseling Brunei (PERKAB), Mejar (B) Rusli bin Bujang, yang juga memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah serta menyampaikan Tazkirah dari Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Turut mengimarahkan acara Munajat malam tadi ialah Ahli-ahli

PERKAB; Penuntut Pembimbing Rakan Sebaya dari Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin; Jawatankuasa Takmir Masjid serta jemaah Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei serta beberapa buah masjid termasuk surau dan balai ibadat dari seluruh negara berjumlah 68 buah.

Bersama menyemarakkan acara Munajat, warga kerja di bawah KHEU bersama keluarga dari kediaman masing-masing.

Turut menyertai Malam Munajat tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri

Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Selesai bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diteruskan dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Ugama Kanan, Jabatan Hal Ehwal Syariah, KHEU, Awang Muhammad Hanif bin Haji Sha'ari, yang juga selaku Bendahari PERKAB.

Manakala Doa Munajat dibacakan

Isu penggantian meter prabayar kepada USMS diperjelaskan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mei. - Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE); Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Kerja Raya (JKR); dan DST Network Sdn. Bhd. (DSTN) yang merupakan salah satu subsidiari di bawah Darussalam Assets ingin merujuk kepada perancangan penggantian meter prabayar kepada sistem meter pintar Unified Smart Metering System (USMS) yang ditularkan melalui media sosial dan aplikasi WhatsApp.

Pihak JPE, Jabatan Perkhidmatan Air (JKR) dan DSTN mengambil maklum mengenai dengan isu-isu yang telah ditimbulkan oleh orang ramai dan ingin memberikan penjelasan.

Sepertimana yang telah dibarigakan sebelum ini, tujuan bagi penggantian kepada sistem USMS adalah bagi menyokong proses peralihan Token Identifier (TID Rollover), dengan tiga meter prabayar yang berjenama STAR, INHE dan PLESSEY tidak akan dapat menerima token elektrik dan akan mengakibatkan bekalan elektrik terputus.

TID Rollover ini adalah satu isu global yang menjejaskan meter-meter prabayar yang telah disahkan piawaiannya oleh Standard Transfer Specification Association (STS) di seluruh dunia dan dijangka akan berlaku pada 24

November 2024.

Oleh yang demikian, penggantian kepada meter pintar USMS ini adalah salah satu langkah mitigasi utama bagi memastikan bekalan tenaga elektrik kepada pengguna tidak terjejas sama sekali semasa proses TID Rollover tersebut.

Untuk makluman, sistem meter pintar USMS adalah merupakan satu sistem aplikasi mudah alih yang berhasrat bagi memudahkan pihak pengguna untuk memantau, merancang dan mengurus penggunaan tenaga elektrik dan air, dan seterusnya menggalakkan sikap berjimat cermat dalam penggunaan bekalan-bekalan tersebut.

Projek berkenaan adalah juga salah satu usaha pihak kerajaan dalam mendukung aspirasi pelan strategik negara, iaitu untuk menjadi salah sebuah negara Smart Nation dengan transformasi digital bagi pengurusan dan operasi pada meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan untuk orang ramai.

Sejak sistem penyatuan ini dilaksanakan pada Oktober 2022, sebanyak 21,891 meter pintar USMS telah pun dipasang oleh DSTN kepada para pelanggan, selaku pelaksana projek.

Sistem meter pintar USMS ini menggunakan tarif elektrik dan air sepertimana yang sedia ada tanpa

sebarang perubahan kepada tarif tersebut.

Sistem ini memastikan pengguna membayar bil elektrik dan air berdasarkan jumlah penggunaan tenaga elektrik dan air sebenar yang sedang digunakan (*real-time*).

Dalam pada itu, daripada sekitar 2,000 meter pintar yang telah dipasang sejak Februari hingga April 2024, sebanyak 77 aduan mengenai dengan bil yang tinggi telah diterima melalui Talian Darussalam 123.

Pihak JPE, Jabatan Perkhidmatan Air (JKR) dan DSTN mengambil berat akan aduan-aduan dan kerisauan orang ramai mengenai ketetapan caj penggunaan elektrik meter pintar USMS tersebut.

Menurut siasatan, sebahagian besar daripada aduan yang telah diterima daripada pelanggan meter pintar USMS adalah berpunca daripada penganggungan meter dan pelencongan pendawaian (*meter tampering*) (43 peratus); kurangnya kesedaran tentang penggunaan bekalan tenaga elektrik dan air dan kurangnya kefahaman terhadap tarif elektrik (33 peratus); membiarkan kredit meter pintar air kosong selama 48 jam yang akan menyebabkan pemindahan kredit dari meter pintar elektrik ke meter pintar air

secara automatik (21 peratus); dan lain-lain isu (3 peratus).

Mengenai dengan hal ehwal tunggakan penggunaan tenaga elektrik dan air, pihak kerajaan melalui JPE dan Jabatan Perkhidmatan Air (JKR) secara berterusan menyediakan kemudahan pembayaran secara ansuran sebagai kaedah pilihan kepada orang ramai bagi melunaskan tunggakan tersebut secara berperingkat.

Seperti lazimnya, orang ramai bolehlah berhubung dengan pihak jabatan yang berkenaan bagi mengetahui keterangan lanjut.

Di kesempatan ini, pihak JPE ingin mengingatkan orang ramai bahawa sebarang pengubahsuaian meter secara haram yang mana boleh saja mengakibatkan ketidaktentuan operasi meter pintar USMS dan setentunya akan menjejaskan bekalan kepada orang ramai, adalah menjadi satu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi BND50,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali, di bawah Akta Elektrik Penggal 71.

Jika kesalahan berterusan, denda tambahan tidak melebihi BND2,500 setiap satu hari atau sebahagian daripadanya selama mana kesalahan tersebut berterusan akan dikenakan.

Selain daripada itu, orang ramai adalah dinasihatkan agar sentiasa berwaspada untuk tidak

Siaran Akhbar : Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri

menyebarkan maklumat yang tidak diketahui kesahihannya dan perlu ditekankan bahawa penyebaran maklumat palsu menurut penggal 148 Seksyen 34 boleh mengakibatkan hukuman tiga tahun penjara atau denda BND3,000.

Pihak JPE, Jabatan Perkhidmatan Air (JKR) dan DSTN akan terus mengadakan program pembarigaan bersama termasuk jerayawara ke daerah-daerah dan media sosial bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai dengan program penggantian kepada sistem meter pintar USMS dan juga TID Rollover.

Pihak JPE, Jabatan Perkhidmatan Air (JKR) dan DSTN juga menasihatkan para pengguna meter pintar USMS untuk sentiasa memantau penggunaan bekalan tenaga elektrik dan air melalui aplikasi USMS atau melalui laman sesawang usms.com.bn, dan sekiranya disyaki ada sebarang perbezaan daripada penggunaan sebelumnya, pengguna adalah dinasihatkan untuk menghubungi Talian Darussalam 123 (24 jam) ataupun Talian USMS +673 7399889 / +673 7399899 semasa waktu bekerja (Isnin hingga Jumaat) bagi pihak JPE, Jabatan Perkhidmatan Air (JKR) dan DSTN untuk membuat pemeriksaan lebih lanjut.

Perkukuhkan ukhuwah, imarahkan keberkatan Syawal



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mei. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) hari ini menganjurkan Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang diadakan di Dewan Tarbiah, KUPU SB.

Hadir memeriahkan majlis sambutan berkenaan ialah Menteri

Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri

Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned; Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Pesuruhjaya Tinggi, Duta-duta Besar serta Ahli-ahli Majlis KUPU SB.

Antara objektif sambutan

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir bagi memeriahkan lagi Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang diadakan di Dewan Tarbiah, KUPU SB (kiri). Sementara gambar atas, sebahagian yang hadir pada majlis sambutan berkenaan.

ialah bagi mengimarahkan dan memanifestasikan Sambutan Hari Raya Aidilfitri iaitu salah satu hari kebesaran Islam sebagaimana yang disyariatkan dengan meraikan bersama, bermaaf-maafan dan

mengeratkan talian silaturahmi.

Dengan adanya sambutan tersebut diharapkan dapat lagi mengukuhkan semangat kekeluargaan dan ukhuwah dalam kalangan warga KUPU SB.

KEMENTERIAN PERTAHANAN SEMARAKKAN SAMBUTAN HARI RAYA



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Sabtu, 4 Mei. - Dalam menyemarakkan lagi Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini, Kementerian Pertahanan mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, baru-baru ini.

Hadir pada majlis berkenaan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan; Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin; Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera dan Pemangku Pemerintah Angkatan Bersama, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, pengarah-pengarah awam dan tentera, komandan-komandan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan.

Hadir sama ialah Penasihat / Atase Pertahanan dari luar negara yang menetap di Negara Brunei Darussalam dan Pegawai Memerintah Kompeni Bantu Batalion Pertama Royal Gurkha Rifles (Support Company 1RGR).

Majlis dimulakan dengan bacaan Doa Kesyukuran oleh Pegawai Turus Gerakan Agama, Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar dan seterusnya ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Dayang Hajah Leny Mailinawati binti Haji Mayalin selaku Pengerusi Bersama Majlis.

Majlis turut dimeriahkan dengan tayangan klip video ucapan Selamat Hari Raya daripada kesemua unit tentera, jabatanarah-jabatanarah dan unit-unit awam dan tentera di bawah Kementerian Pertahanan sambil menikmati jamuan.

Tetamu kehormat majlis seterusnya juga berpeluang untuk melawat pondok-pondok Hari Raya yang disediakan oleh unit-unit tentera, jabatanarah-jabatanarah dan unit-unit di bawah Kementerian Pertahanan.

Pondok-pondok berkenaan merupakan tarikan utama Sambutan Hari Raya Aidilfitri kali ini yang dihias mengikut tema pada

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II semasa hadir pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa dan seterusnya bergambar ramai bersama yang hadir pada majlis berkenaan.

tahun ini, iaitu 'Suasana Kampung'.

Selain itu, majlis berkenaan turut menampilkan pakaian dan budaya berbilang kaum di Negara Brunei Darussalam serta persembahan muzik Gulingtangan dan Pancaragam ABDB bagi memeriahkan suasana.

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri berkenaan bukan sekadar perayaan, tetapi juga merupakan peluang penting bagi mempererat hubungan dalam kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan.

Dalam suasana yang santai namun bersemangat, mereka bertukar pandangan dan memperkukuh ikatan yang membina kepercayaan dan kefahaman di antara satu sama lain.

Ini tidak hanya meningkatkan keberkesanan operasi dalaman kementerian, tetapi juga mencipta suasana kerja yang memenuhi keperluan anggota pasukan.

Oleh itu, majlis berkenaan adalah platform penting dalam memupuk hubungan yang kukuh dan menjamin kecemerlangan profesional dalam persekitaran kerja.

KOMITED TINGKATKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN TERBAIK, CEMERLANG



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II semasa menyampaikan ucapannya.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi
Awang Abdul Hamid

>> Muka 1

Perkara berkenaan dinyatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa menyampaikan ucapannya pada Majlis Penyampaian Sijil bagi Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO) Kali Ke-30, Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-pegawai Pengurusan Pertengahan (EDPMMO) Kali Ke-33 dan Ke-34 serta Program Eksekutif Muda (YEP) Kohort-7 dan Kohort-8, Tahun 2023 bertempat di Dewan Bankuet, JPM.

Yang Berhormat turut mengimbas kembali akan titah Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-30 Tahun, dalam mana baginda antara lain menekankan kepentingan setiap penjawat awam untuk sentiasa peka dengan perubahan semasa; memiliki idea-idea baharu sebagai penambahbaikan proses kerja, peraturan, sistem penyampaian dan penghasilan; dan seterusnya agar setiap pemimpin bijak dalam memelopori potensi kerja, khasnya potensi teknologi digital, sebagai asas kepada transformasi perkhidmatan yang berimpak besar.

"Begitulah juga sandarannya dan keberhasilan yang hendak digarap menerusi penganjuran program-program di bawah Civil Service Leadership Pipeline (CSLP) ini.

"Program-program berkenaan telah dirangka, berdasarkan kepada peringkat pegawai yang menyertai dengan tugas dan cabaran yang memerlukan mereka untuk berfikir secara analitikal dan kritikal serta berupaya untuk menghubungkannya dengan keutamaan-keutamaan negara.

"Pendedahan sedemikian ini adalah sangat penting, bukan sahaja dalam meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman berkaitan pendekatan-pendekatan terbaharu dan terkini, malah turut menggalas potensi para peserta selaku generasi pemimpin masa depan," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat turut melahirkan harapan, agar setiap peserta program CSLP kali ini dan seterusnya, akan memanfaatkan sepenuhnya ilmu yang diperoleh di sepanjang menghadiri program masing-masing.

Yang Berhormat juga berharap agar para peserta melihat program ini sebagai titik tolak permulaan yang mendorong dan meningkatkan lagi semangat dan keyakinan masing-masing untuk memelopori penambahbaikan dan pembaharuan yang berterusan, menerusi cetusan idea-idea bernas yang lahirnya daripada 'Minda Kelas Pertama'.

Dalam pada itu, Yang Berhormat juga menekankan akan kepentingan aspek pemantauan pasca-latihan dalam organisasi masing-masing.

Menurut Yang Berhormat, ini bukan sahaja untuk memastikan perkembangan dan kemajuan para peserta, malah untuk mengenal pasti sejauh mana pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh diterapkan dan diguna pakai dalam pengendalian tugas mereka.

Yang Berhormat seterusnya berharap agar kerjasama daripada semua kementerian dan jabatan-jabatan di bawah masing-masing, untuk dapat sama-sama memastikan aspek pemantauan pasca-latihan ini berlaku secara teratur dan berancang, agar apa juga objektif kursus yang telah disasarkan dapat dicapai secara optimal.

Menurut Yang Berhormat, disinilah juga betapa pentingnya peranan keahlian setiap kementerian dalam komiti penghubung berkepentingan atau Strategic Liaison Committee yang diterajui Institut Perkhidmatan

Awam (IPA) untuk dapat diperkukuh. "Antaranya dalam membantu penilaian impak keberkesanan kursus-kursus; merangka program latihan dan pembelajaran serta menjayakan projek-projek berkeutamaan yang dikendalikan oleh IPA bagi warga Perkhidmatan Awam (PA) di negara ini seperti Public Service Capability Development Framework yang sedang dalam proses pelaksanaan," ujar Yang Berhormat.

Terdahulu, Yang Berhormat berkata kejayaan menamatkan program ini, dapatlah juga diterjemahkan sebagai kesiapsiagaan para peserta dalam menempuhi setiap apa pun yang dimuatkan di dalam program berkenaan.

Malah tambah Yang Berhormat, keupayaan dalam merancang dan membuat jangkaan positif pada peringkat awal tersebut, merupakan antara inti pati utama kepada kehebatan seorang penjawat awam, yang memiliki daya kepimpinan tinggi, berwibawa, berintegriti, dan berinovatif sebagai amalan budaya kerjanya.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa ini adalah juga selaras dengan ekspektasi ke atas setiap yang menceburi kerjaya dalam PA sebagai terpenggil untuk berkhidmat kepada negara dengan menanamkan semangat

patriotisme yang tinggi serta penuh rasa bangga menyumbang bakti kepada ibu pertiwi.

Justeru itu, Yang Berhormat menyeru agar setiap penjawat awam khasnya pimpinan barisan hadapan, hendaklah sentiasa meletakkan profesionalisme masing-masing pada tahap tertinggi di samping menumpukan usaha dan tenaga ke arah memenuhi kehendak pihak-pihak yang berkepentingan yang sentiasa saja berubah.

Apa yang pasti tambah Yang Berhormat lagi, usaha ke arah mengangkat martabat PA di negara ini sebagai pemangkin kecemerlangan adalah bergantung sepenuhnya kepada kecekapan dan kebolehan warga kerjanya dalam menghasilkan nilai-nilai kerja bermutu tinggi yang dapat menjaga perubahan bermakna dan berimpak besar.

"Dari itu, seorang penjawat awam hendaklah juga sentiasa ingat, bahawa pelanggan dan masyarakat amnya akan terus mengharapkan kualiti penyampaian perkhidmatan yang memenuhi kehendak mereka.

"Di samping itu, mereka juga ingin melihat pengurangan kerenah birokrasi serta langkah yang cepat, tepat dan berintegriti, dalam menangani permasalahan yang ditimbulkan mereka," ujar Yang Berhormat lagi.



YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II semasa menyampaikan sijil kepada penerima.

bersama tokoh-tokoh pemimpin di Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan dengan itu, Majlis Penyampaian Sijil bagi Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO) Kali Ke-30, Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-pegawai Pengurusan Pertengahan (EDPMMO) Kali Ke-33 dan Ke-34 serta Program Eksekutif Muda (YEP) Kohort-7 dan Kohort-8, Tahun 2023 berlangsung petang tadi di Dewan Bankuet, Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil kepada para peserta, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh salah seorang peserta EDPSGO-30, iaitu Pengetua, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kementerian

Hal Ehwal Ugama, Pengiran Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit.

Seramai 27 peserta EDPSGO-30; 28 peserta EDPMMO-33; 28 peserta EDPMMO-34; 28 peserta YEP-7 dan 29 peserta YEP-8 telah menerima sijil yang disampaikan oleh tetamu kehormat pada majlis berkenaan.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan disampaikan oleh Ketua Pengarah PA, Dr. Awang Norfarizal bin Othman dan diikuti dengan ucapan daripada tetamu kehormat majlis.

Sejurus itu, klip video turut ditayangkan memaparkan aktiviti-aktiviti semasa program-program pembangunan eksekutif berkenaan berlangsung.

Juga hadir ialah Timbalan-timbalan Menteri di JPM; Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Setiausaha-setiausaha Tetap; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; dan ketua-ketua jabatan yang berkenaan.



YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II bergambar ramai pada majlis berkenaan.

Perancangan Strategik Sumber Manusia dalam Perkhidmatan Awam (PA).

Modul-modul program berkenaan diselaraskan dengan kompetensi kepimpinan yang telah dikenal pasti melalui Model CSLP berdasarkan amalan-amalan terbaik dalam pembangunan kepimpinan.

Kesemua program *flagship* CSLP bagi tahun 2023 telah dikendalikan oleh Institut Perkhidmatan Awam (IPA).

Pihak IPA juga buat julung-julung kalinya telah berkolaborasi

bersama Lee Kuan Yew School of Public Policy bagi pengendalian EDPSGO-30.

Kandungan program-program berkenaan antara lainnya memuatkan pengajian isu dan dasar semasa, serta amalan terbaik dalam pengurusan dan pentadbiran PA yang dipraktikkan secara global.

Selain itu, para peserta juga diberikan pendedahan secara praktikal melalui penempatan kerja, projek kemasyarakatan, lawatan sambil belajar serta sesi dialog

MEMASTIKAN PRASARANA, KEMUDAHAN DAPAT DINIKMATI

>> Muka 1

Ini termasuk kerja-kerja pemeliharaan jalan raya, pemasangan meter air, penyediaan bekalan air bersih, di samping memperkenalkan rangkaian internet dan bantuan kemasyarakatan yang telah dapat dilaksanakan secara berterusan.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid menekankan demikian semasa berucap pada Lawatan Muhibah sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Ulu Belait.

Apa yang penting tegasnya, Ulu Belait tidak terpinggir dari arus perkembangan dan kemajuan negara.

"Di sinilah matlamat utama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam bagi memastikan tiada ketirisan dalam memeduli dan *mengelinga* kemaslahatan setiap lapisan masyarakat di negara ini meskipun berada di pedalaman.

"Justeru itu, Lawatan Muhibah julung kalinya dianjurkan oleh tiga kementerian, iaitu Kementerian Pembangunan; Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi; dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

"Peramba / kaola / saya bersama rakan-rakan menteri yang lain ingin merakamkan setinggi penghargaan dan berbilang terima kasih kepada ketua dan sekalian ahli keluarga Rumah Panjang Apak-Apak kerana sudi menerima kehadiran *abis* kami.

"Hasrat kehadiran kami ini tidak lain untuk mengukuhkan jalinan ukhuwah dan silaturahmi dalam kalangan penduduk dan masyarakat di Ulu Belait," ujar

Yang Berhormat.

Jelas Yang terhormat lagi, ia juga memberi peluang kepada mereka untuk meninjau dengan lebih dekat, keadaan dan kemudahan prasarana yang telah disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Di sinilah ujar Yang Berhormat, usaha berterusan dalam memastikan prasarana dan kemudahan dapat dinikmati dan dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya khususnya masyarakat Ulu Belait.

Terdahulu, wakil Rumah Panjang Apak-Apak, Bang Taong, Rantai anak Jawa dalam ucapannya berkata Rumah Panjang Apak-Apak Bang Taong sudah diberikan beberapa kemudahan seperti bekalan pam air, bekalan air bersih, bantuan menternak ikan dan burung, bantuan solar, tandas

Oleh : Nooratin Haji Abas

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

awam dan penyediaan pancaran atau isyarat telefon bimbit yang memudahkan perhubungan tanpa batas penduduk di rumah panjang berkenaan.

"Dari segi kegiatan harian, penduduk di sini sangat gemar bercucuk tanam seperti bertanam buah-buahan, limau kasturi, lemon, serai, terung, pucuk ubi dan lain-lainnya," kata beliau.

Menurut beliau, tanaman yang telah diusahakan ini tidak menghampakan malah,



YANG Berhormat Menteri Pembangunan semasa berucap.

sebahagiannya telah dijual ke luar daerah selain dibekalkan di kedai-kedai runcit di Daerah Belait.

Kemudahan, kesejahteraan terus dipertingkatkan, dipermudahkan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BELAIT, Ahad, 5 Mei. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) sentiasa menunjukkan keprihatinan dan pemedulian pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang berada di kawasan pedalaman khususnya di Ulu Belait.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad semasa berucap pada Lawatan Muhibah bersempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Rumah Panjang Julangan Titah, Kampung Melilas menjelaskan, dengan adanya bantuan asas daripada pihak KKBS akan dapat mengurangkan beban masyarakat di rumah panjang berkenaan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga berharap sumbangan perkakas seperti rambat bagi penduduk rumah panjang berkenaan akan dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya.

Tambah Yang Berhormat lagi, selain memberikan sumbangan barang-barang keperluan asas, KKBS juga berbesar hati menyediakan tiga buah Sudut Bacaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) iaitu di Rumah Panjang Apak-Apak, Kampung Bang Taong; Rumah Besar Kampung Sukang; dan Rumah Panjang Julangan Titah, Kampung Melilas.

Lebih 100 buah buku dari pelbagai genre dalam bahasa Melayu dan Inggeris yang sesuai telah disumbangkan. Sudut Bacaan ini merupakan salah satu

perkhidmatan yang ditawarkan oleh DBP dalam menyediakan koleksi bahan bacaan bersesuaian, sekali gus dapat melahirkan masyarakat tempatan yang bermaklumat, berkemahiran dan berpengetahuan.

"Antara objektif utama ia dilaksanakan adalah bagi membudayakan sikap gemar dan suka membaca dalam kalangan penduduk di kawasan Ulu, selain memberi kemudahan kepada masyarakat untuk memanfaatkan buku-buku yang telah disediakan oleh pihak perpustakaan," terang Yang Berhormat.

Terdahulu dalam ucapannya, Yang Berhormat juga merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ketua Rumah Panjang Julangan Titah, Kampung Melilas kerana telah sudi menerima dan meraikan rombongan daripada ketiga-tiga kementerian untuk mengadakan lawatan yang diselenggarakan dengan berhari raya pada hari ini.

"Semoga jalinan ukhuwah antara pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan masyarakat setempat akan terus kukuh dan mesra," jelas Yang Berhormat.

Sementara itu, Ketua Rumah Panjang Julangan Titah Kampung Melilas, Awang Haji Md. Yassin bin Abd. Rahman dalam ucapannya mewakili penduduk di Mukim Melilas merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih atas bantuan yang diberikan terutamanya apa jua kesulitan yang dihadapi oleh penduduk sebelum ini.

Menurut beliau, umpamanya jalan raya dan alat perhubungan, sambungan internet sudah berada pada tahap yang baik, dan komunikasi menjadi semakin mudah.

Awang Haji Md. Yassin juga berkata, penduduk di mukim berkenaan rata-ratanya berminat untuk berkebun di mana mereka juga ingin memohon bagi tapak yang membolehkan mereka untuk bercucuk tanam, selain permohonan bagi pembinaan sebuah tapak riadah seperti gelanggang sukan. Beliau juga berharap dengan wujudnya rangkaian kepimpinan yang ada ini akan dapat berterusan untuk mencapai apa yang belum tercapai.

Penyediaan prasarana, kemudahan asas untuk kesejahteraan penduduk



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa menyampaikan ucapannya.

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BELAIT, Ahad, 5 Mei. - Pemedulian dan *pengelingan* Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam antara lain telah dizahirkan melalui penyediaan prasarana dan kemudahan asas demi untuk kesejahteraan penduduk dan masyarakat di Ulu Belait khususnya komuniti rumah-rumah panjang.

Ia dihasrat agar penduduk dan masyarakat di kawasan berkenaan tidak terpinggir daripada mengecapi kemudahan dan prasarana yang disediakan selaras dengan arus perkembangan dan kemajuan negara meskipun berada di pedalaman.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha menjelaskan perkara itu pada Lawatan Muhibah sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Ulu Belait dalam kunjungan ke Rumah Besar Kampung Sukang.

"Alhamdulillah, kerja-kerja pemeliharaan jalan raya yang telah, sedang dan akan dilaksanakan dari semasa ke semasa, penyediaan rangkaian paip air bagi bekalan air bersih, penyediaan tandas awam

dan perkembangan infokomunikasi dan teknologi seperti memperkenalkan rangkaian internet yang menggunakan tenaga suria untuk kemudahan berkomunikasi; serta bantuan kemasyarakatan, balai ibadat dan lain-lain adalah dapat mempertingkatkan lagi taraf kehidupan dan kelestarian penduduk dan masyarakat setempat serta juga kepada para pengunjung ke Ulu Belait ini," kata Yang Berhormat.

Terdahulu, Yang Berhormat mewakili rakan-rakan menteri yang hadir merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada para hadirin yang meluangkan masa bagi sama-sama memeriahkan lagi Lawatan Muhibah dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini.

"Lawatan Muhibah yang diselenggarakan dengan Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada kali ini dihasratkan untuk mengukuhkan jalinan ukhuwah dan silaturahmi dalam kalangan penduduk dan masyarakat di Ulu Belait.

"Acara hari ini lahir daripada kunjungan lawatan menteri-menteri pada penghujung tahun lepas bagi meninjau dengan lebih dekat keadaan dan kemudahan prasarana yang telah disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai usaha memastikan prasarana dan kemudahan yang ada dapat dinikmati dan dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh penduduk dan masyarakat di Ulu Belait ini," ujar Yang Berhormat.

Sementara itu, wakil keluarga Rumah Besar Kampung Sukang, Awang Haji Johari bin Datu Maharaja Setia Dian melahirkan rasa syukur dan menjunjung kasih kepada Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui kementerian-kementerian atas kemudahan yang telah disediakan dan dapat dinikmati oleh penduduk Kampung Sukang.

"Kalau sebelum ini kami menggunakan air sungai atau

menadah air hujan untuk mandi, memasak dan sebagainya, tapi sekarang sudah dapat menikmati air yang bersih.

"Pihak kerajaan juga telah membuat jalan raya untuk memudahkan perhubungan melalui jalan darat sebagai alternatif atau pilihan menggunakan laluan sungai.

"Dengan adanya jalan raya ini maka penggunaan masa lebih cepat dan minyak kereta lebih jimat, cuma jalan raya pada masa ini memerlukan pembaikan," katanya semasa menyampaikan ucapan.

Beliau menambah, dengan berdirinya menara telekomunikasi yang telah siap dibina sepenuhnya pada April lepas, penduduk Kampung Sukang telah dapat menerima isyarat talian dengan menggunakan telefon bimbit, di samping memudahkan mereka berhubung dengan saudara mara yang tinggal di kawasan bandar serta dapat mengakses internet dengan mudah.

"Kemudahan-kemudahan berkenaan telah membantu penduduk Mukim Sukang ini dan menikmati seperti apa yang ada di kawasan bandar," katanya.

Awang Haji Johari turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas kemudahan-kemudahan yang disalurkan oleh pihak kerajaan.

"InsyaaAllah, kami penduduk di Kampung Sukang ini akan sentiasa menyokong inisiatif kerajaan untuk menuju Wawasan Brunei 2035," katanya.

Terdahulu, beliau menzahirkan rasa berbesar hati kerana pihak ketiga-tiga kementerian memilih Rumah Besar Kampung Sukang sebagai persinggahan untuk beramah mesra sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri bersesuaian dengan objektif Sambutan Hari Raya tersebut, iaitu untuk mengeratkan silaturahmi, menyalurkan *pengelingan* pihak kerajaan terhadap kesejahteraan komuniti-komuniti rumah panjang termasuk rumah besar, di samping untuk meninjau lebih dekat keadaan dan kemudahan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa berucap.

LAWATAN MUHIBAH : TINJAU LEBIH DEKAT KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman, Nooratini Haji Abas, Marlinawaty Hussin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



YANG Berhormat Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir mengetuai rombongan kementerian-kementerian berkenaan semasa mengadakan Lawatan Muhibah sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Ulu Belait (atas dan kiri).

BELAIT, Ahad, 5 Mei. - Bagi menyambut dan memeriahkan lagi suasana bulan Syawal, tiga buah kementerian, iaitu Kementerian Pembangunan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) pagi tadi mengadakan Lawatan Muhibah sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Ulu Belait.

Hadir mengetuai rombongan kementerian-kementerian berkenaan ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Objektif utama kunjungan adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahmi dan menyalurkan pemedulian daripada pihak kerajaan terhadap kesejahteraan dan kebajikan komuniti rumah panjang melalui gabungan tiga buah kementerian berkenaan, selain dapat meninjau dengan lebih dekat akan keadaan dan kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan di kawasan

pedalaman.

Di samping itu, kunjungan tersebut juga adalah bagi mengeratkan pertalian kekeluargaan dan kemesraan dalam kalangan komuniti rumah panjang dalam meraikan Sambutan Hari Raya Aidilfitri dan mengukuhkan jalinan ukhuwah dan silaturahmi dalam kalangan penduduk dan masyarakat di Ulu Belait.

Rombongan mula-mula berkunjung ke Rumah Panjang Apak-Apak, Bang Taong, di mana kunjungan yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan ini disambut oleh Ketua Rumah Panjang, Awang Rantai anak Jawa.

Seterusnya, rombongan kemudian berkunjung ke Rumah Besar Kampung Sukang yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dan ketibaan rombongan disambut oleh Ketua Rumah Besar Kampung Sukang, Awang Haji Mohd. Noh bin Datu Maharaja Setia Dian.

Dari situ, rombongan meneruskan Lawatan Muhibah ke Rumah Panjang Julangan Titah Kampung Melilas dengan diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Mengalu-alukan kehadiran rombongan ialah Ketua Rumah Panjang Julangan Titah Kampung

Melilas, Awang Haji Md. Yassin bin Abd. Rahman.

Semasa kunjungan ke rumah-rumah panjang dan rumah besar berkenaan, rombongan daripada kementerian-kementerian telah berkesempatan untuk beramah mesra bersama penghuni-penghuni di samping berpeluang menyaksikan persembahan daripada para penghuni di sana.

Sepertimana penduduk di seluruh negara, keutamaan akan sentiasa diberikan kepada mempertingkatkan taraf kehidupan dan kelestarian penduduk masyarakat setempat.

Oleh yang demikian, melalui pendekatan senegara, usaha akan terus ditumpukan kepada inisiatif-inisiatif yang memberikan impak terbesar kepada kehidupan seharian penduduk setempat.

Malah, warga Ulu Belait tidak terpinggir daripada arus perkembangan dan kemajuan negara dan ini termasuklah kerja-kerja penyediaan jalan raya, bekalan air bersih dan pemasangan bekalan elektrik yang sedang giat dilaksanakan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan turut merasmikan Sudut Bacaan di rumah-rumah panjang dan rumah besar berkenaan dengan penyampaian buku-buku bacaan dari Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Juga menyampaikan buku-buku bacaan ialah wakil dari Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

Sudut Bacaan ini merupakan salah satu perkhidmatan yang ditawarkan oleh Perpustakaan DBP Brunei dalam menyediakan koleksi bahan bacaan bersesuaian bagi memenuhi keperluan masyarakat khususnya di kawasan Ulu dan Rumah Panjang.

Sumbangan buku dan majalah ini boleh dimanfaatkan untuk mendapatkan maklumat dan dijadikan saluran yang berkesan

untuk menerapkan minat membaca dalam kalangan masyarakat.

Antara objektif utama ia dilaksanakan adalah menjadikan rakyat lebih kreatif dalam menjana gagasan baharu dan mampu membangunkan tamadun negara dari segi keilmuan, sosial dan ekonomi.

Bahkan, masyarakat akan mempunyai keperibadian mulia, berfikir matang dan mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi melalui amalan membaca.

Pada masa ini beberapa Sudut Bacaan telah ditubuhkan seperti Sudut Bacaan PASMA, Sudut Bacaan Pengakap (Suluh Ilmu), Sudut Bacaan Penjara Maraburong, Sudut Bacaan Pusat Al-Islah, Rumah Panjang Mendaram (Belait), Rumah Panjang Amo (Temburong) dan Rumah Panjang Semabat (Temburong).

Turut menjadi perhatian semasa kunjungan tersebut ialah pengenalan perkhidmatan telekomunikasi mudah alih dan talian tetap yang telah selesai dilaksanakan pada 26 April 2024 oleh Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN) dengan kerjasama Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) di enam lokasi pedalaman Kuala Belait, iaitu Kampung Bang Taong; Kampung Kukub; Kampung Buau; Kampung Biadong Ulu; Kampung Melilas; dan Kampung Sukang.

Inisiatif ini adalah antara usaha dalam menyediakan ketersambungan dan komunikasi ke kawasan-kawasan yang belum mempunyai perkhidmatan mudah alih dan tetap, bagi merapatkan

jurang digital di kawasan pedalaman dan memperkasa komuniti dengan memberikan akses kepada perkhidmatan asas.

Selain itu, dalam usaha untuk mengamalkan tenaga hijau dan mampan, stesen-stesen pangkalan (*base stations*) di lokasi-lokasi tersebut beroperasi sepenuhnya menggunakan tenaga solar, suatu pendekatan yang inovatif.

Dengan perkhidmatan internet yang kini tersedia bagi kemudahan para penduduk kampung, pihak UNN juga mengambil kesempatan ini untuk mendemonstrasikan ujian kelajuan data mudah alih (*mobile data speed test*) dan juga ujian kelajuan jalur lebar.

Syarikat telekomunikasi seperti Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), Progresif Sdn. Bhd. dan Imagine Sdn. Bhd. juga turut serta memperkenalkan pelan rangkaian yang boleh didapati oleh para penduduk kampung.

Menyertai kunjungan Hari Raya Aidilfitri ini ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@ Lim Swee Ann yang juga selaku Ketua Kampung Bukit Sawat; Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman yang juga selaku Penghulu Mukim Bukit Sawat; Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amrol Hafidzin bin Haji Muhammad; Ketua Kampung Melilas, Pemangku Ketua Kampung Apak-Apak, Pemangku Ketua Kampung Sukang dan ketua-ketua jabatan daripada ketiga-tiga buah kementerian berkenaan.



SUASANA Lawatan Muhibah berkenaan yang diadakan di Ulu Belait (kiri dan kanan).



MAJLIS RAMAH MESRA AIDILFITRI ERATKAN SILATURAHIM



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mei. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan anjuran bersama Kementerian Pembangunan dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) telah mengadakan Majlis Ramah Mesra Aidilfitri 1445 Hijrah / 2024 Masihi bersama pelatih-pelatih Pusat Bahagia dan residen / penghuni Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) di bawah kendalian Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) bertempat di Dewan An-Naura Kompleks YSHHB, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat

bersama ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Ketua Guru Ugama Pusat Bahagia, Awang Mayadi bin Haji Jais.

ANTARA persembahan pentas yang memeriahkan majlis.

YANG Berhormat Menteri Pembangunan dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat bersama pada Majlis Ramah Mesra Aidilfitri 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Turut menyerikan majlis ialah persembahan daripada pelatih-pelatih Pusat Bahagia serta pegawai dan kakitangan dari Pusat Bahagia dan KRK.

Antara tujuan majlis diadakan ialah untuk mengeratkan hubungan silaturahim di antara para pegawai dan kakitangan kedua-dua kementerian bersama warga Orang Kelainan Upaya (OKU), residen serta penghuni KRK dan rakan-rakan strategik KKBS.

Di samping itu, majlis tersebut

juga sebagai wadah untuk menentengahkan bakat, minat dan meningkatkan keyakinan diri pelatih-pelatih Pusat Bahagia dan residen serta penghuni KRK dalam seni persembahan.

Antara persembahan pentas yang menghiburkan majlis pada hari ini adalah sebuah sketsa bertajuk 'Riuh Rendah di Hari Raya' dan nyanyian dalam Bahasa Isyarat yang menentengahkan bakat-bakat daripada golongan OKU dalam bidang seni.

Bakat dan penglibatan golongan OKU dalam persembahan menarik ini telah menunjukkan bahawa masyarakat kita, terutamanya pihak kerajaan, menyokong untuk membudayakan dan mempraktikkan inklusiviti dalam industri kreatif di negara ini.

Melalui penglibatan seperti ini,

adalah dihasratkan agar golongan OKU mempunyai peluang yang lebih luas dan secara tidak langsung dapat mempromosikan dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat bahawa golongan ini boleh menyertai apa jua aktiviti keramaian.

Turut hadir ialah Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan dan KKBS; ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan; ahli-ahli persatuan di bawah Majlis Kebangsaan Orang Kelainan Upaya (MKOKU) serta rakan-rakan strategik KKBS dan Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd Salleh, selaku Pengerusi Majlis.



Setiap individu berperanan membentuk keluarga bahagia

Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

KIULAP, Ahad, 5 Mei. - Membentuk sebuah keluarga yang bahagia adalah menjadi tanggungjawab semua, yang sekali gus berupaya dalam membentuk masyarakat harmoni.

Keharmonian hidup berkeluarga menjadi impian semua lebih-lebih

lagi dalam suasana yang aman damai, tenteram dan tenang disulami pula dengan sikap dan sifat hormat menghormati, bersopan santun, pemedulian, tidak *camah* mata lagi *berawar galat*.

Perkara berkenaan dijelaskan oleh Menteri Pendidikan, Yang

YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perhimpunan Keluarga Jalinan Kasih.

Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh semasa menyampaikan ucapannya selaku tetamu kehormat pada Majlis Perhimpunan Keluarga Jalinan Kasih bagi generasi Allahyarhamah Dayang Damit binti Abdul Rahman; dan Allahyarham Awang Safar bin Pehin Orang Kaya Digadong Awang Aminuddin yang berlangsung di Dewan Salma 1, Kompleks Impiana Jaya, Kiulap, di sini.

"Natijah daripada semua ini wujudlah sifat berkasih sayang yang merupakan fitrah semula jadi yang Allah kurniakan dalam naluri setiap insan.



"Pertemuan kita hari ini bertepatan pula dengan minggu pertama Mei yang telah diisytiharkan sebagai Hari Keluarga Kebangsaan di Negara Brunei Darussalam sejak tahun 2012 yang lalu," terang Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat kemudiannya menjelaskan, setiap individu mempunyai peranan masing-masing dalam membentuk keluarga bahagia, yang memerlukan *pengelinaan* ahli keluarga secara berterusan.

Menurut Yang Berhormat Datin lagi, *pengelinaan* dan pemedulian ini bukan setakat makan dan pakaian sahaja, akan tetapi lebih jauh dari itu, seperti perhatian terhadap pelajaran di sekolah

baik peringkat rendah, menengah apatah lagi pengajian tinggi, selain menjadikan keutamaan keluarga dengan mendahulukan pendidikan agama.

Perhimpunan yang dihadiri oleh lebih 400 ahli keluarga daripada enam generasi berkenaan antara lain bertujuan untuk mengenali kedudukan talian persaudaraan melalui carta salasilah yang telah dihasilkan di samping memupuk semangat kekeluargaan yang tinggi dengan mengekalkan rasa muhibah dalam kalangan ahli-ahli keluarga.

Majlis yang juga diselenggarakan dengan Sambutan Hari Raya diserikan dengan penyampaian sumbangan derma bagi anak-anak yatim.

ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.



MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN HKK 2024



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Alishahrin Haji Mumin



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Kesyukuran sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) 2024 (atas), manakala gambar atas kanan, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat yang juga selaku Pengerusi Majlis, Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap antara yang turut hadir pada majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mei. – Dalam perkahwinan, kita seharusnya



mencari keberkatan di dalamnya dan bayangannya akan menimbulkan kebahagiaan.

Di dalam rumah tangga, kita mesti menghidupkan dan membinanya dengan adanya keilmuan, kerana keilmuan itu antaranya adalah komunikasi.

“Pasangan tidak seharusnya sempurna, pasangan kita pasti ada cacat celanya, namun di

PEGAWAI Tugas-tugas Khas Tingkat II, Ketua Bahagian Kaunseling dan Kefahaman Agama (KAFA), Jabatan Hal Ehwal Syariah, Awang Muhammad Yussof bin Haji Awang Abdul Majid semasa menyampaikan tazkirah.

dalam cacat celanya itu kita perlu saling memenuhi dan menyempurnakan,” ujar Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat II, Ketua Bahagian Kaunseling dan Kefahaman Agama (KAFA), Jabatan Hal Ehwal Syariah, Awang Muhammad Yussof bin Haji Awang Abdul Majid semasa menyampaikan tazkirah bertajuk ‘Menerapkan Nilai-nilai Teras Kekeluargaan Brunei : Sayang Menyayangi; Tanggungjawab; Hormat-menghormati; Permedulian (Satu Harapan)’ pada Majlis Kesyukuran sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) 2024.

Dalam tazkirahnya juga turut

menekankan mengenai perbezaan sifat lelaki dan perempuan dalam menangani cabaran rumah tangga yang memerlukan komunikasi untuk menyelesaikan masalah dengan berhemah dan berilmu dan Allah Subhanahu Wata’ala juga menjanjikan keluarga yang berimam sebuah syurga.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad pada majlis yang berlangsung di Masjid Ash-Shaliheen, di sini.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh yang juga selaku Pengerusi Majlis, Setiausaha-setiausaha tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-

pegawai kanan, ahli-ahli persatuan dan rakan-rakan strategik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Ash-Shaliheen, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran.

Acara bersempena dengan HKK 2024 anjuran Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), KKBS diteruskan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat Terhindar Daripada Wabak COVID-19, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dan Doa Hari Keluarga.

Perkasa peranan belia, mendukung pertumbuhan ekonomi



YANG Mulia Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri hadir pada Majlis Pembukaan Program Jati Diri (PJD) bagi Kohort 6.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

TEMBURONG, Sabtu, 4 Mei. - Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah menegaskan bahawa Program Jati Diri (PJD) adalah merupakan satu inisiatif yang amat penting, kerana ia tidak hanya memberikan peluang kepada belia untuk meningkatkan kemahiran, tetapi juga membentuk aspek-aspek keperibadian yang sangat diperlukan seperti sifat kepimpinan, kedayatahan, disiplin, kekuatan mental dan spiritual.

Beliau turut menekankan pentingnya bagi kita untuk memperkasa generasi muda dengan kemahiran yang relevan serta nilai-nilai jati diri yang teguh agar mereka boleh memainkan peranan yang aktif dan berkesan dalam menyokong pertumbuhan ekonomi serta menyumbang kepada pembangunan negara.

Berucap selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan PJD bagi Kohort 6 pagi tadi, Yang Mulia Awang Haji Mohamad Azmi juga menyarakkan agar ibu bapa dan penjaga terus memberikan

sokongan dan dorongan padu sebagai motivasi dan pembakar semangat bagi para pelatih dan untuk terus berjuang demi mencapai kecemerlangan pada masa hadapan.

“Kita sedia maklum bahawa penyediaan tenaga kerja yang berkualiti merupakan aspek penting bagi pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sesebuah negara.

“Dalam pada itu, belia merupakan aset yang paling berharga di negara ini kerana mereka adalah sebahagian besar daripada tenaga kerja yang memikul tanggungjawab besar dalam mewarisi dan memimpin negara di masa depan,” terangnya.

Sebagai pemimpin masa depan dalam dunia yang sentiasa berubah ini katanya, adalah penting bagi kita untuk memperkasa generasi muda kitan dengan kemahiran yang relevan serta nilai-nilai jati diri yang teguh.

Menurutnya, hal ini membolehkan mereka memainkan peranan yang lebih aktif dan berkesan dalam menyokong pertumbuhan ekonomi serta menyumbang kepada pembangunan negara.

Oleh yang demikian tambahnya, PJD ini merupakan satu inisiatif yang amat penting, kerana ia tidak hanya memberikan peluang kepada belia untuk meningkatkan kemahiran mereka, tetapi juga membentuk aspek-aspek keperibadian yang sangat diperlukan seperti kedayatahan, disiplin, kekuatan mental dan spiritual dan sifat kepimpinan.

Majlis Pembukaan PJD bagi Kohort 6 telah diadakan pagi tadi di Kem Latihan Program Khidmat

Bakti Negara (PKBN).

PJD adalah program usaha sama antara Pejabat Perancangan Tenaga Manusia (PPTM) di bawah Jabatan Perdana Menteri, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN).

Seramai 74 pelatih yang terdiri daripada pelajar iSkills Kohort 6 di IBTE daripada program iSkills bagi Industrial Skills Qualification (ISQ) dalam jurusan Blasting & Painting, Marking and Fitting, Rigging dan Scaffolding akan menjalani latihan PJD selama 90 hari.

Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu kebangsaan diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah serta ayat-ayat suci Al-Quran serta tafsirnya.

Sementara Surah Ali Imran ayat 102 hingga 105 telah dibacakan oleh 1700 Muhammad Nur Hanafi bin Haji Mustafah, Platun 2.

Pada majlis itu juga, Pemangku Pengarah Perancangan Tenaga Manusia, Dayang Hajah Noraini binti Haji Mohd Jamudin selaku

Pengerusi Majlis dalam ucapan alu-aluannya antara lain merakamkan harapan agar PJD akan dapat merapatkan jurang kemahiran dan membentuk *mindset* para pelatih agar mereka menjadi lebih *employable* serta *industry-ready*.

Beliau mengongsikan bahawa seramai 699 orang pelatih telah tamat latihan sejak PJD diperkenalkan dan hasil daripada kaji selidik para pelatih Kohort 2 hingga Kohort 5 telah mendapati 95 peratus secara purata bersetuju bahawa PJD akan dapat membantu mereka untuk mendapatkan pekerjaan.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Wawasan) di JPM, Pengiran Hajah Siti Nirmala binti Pengiran Haji Mohammad; Setiausaha Tetap (Belia) di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin; dan Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) di Kementerian Pendidikan, Dr. Chin Wei Keh.



PARA pelatih semasa melafazkan ikrar.

MAJLIS BELIA BRUNEI ANJUR KETUK-KETUK RUMAH TERBUKA

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Ihsan Majlis Belia Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Mei. - Sambutan Hari Raya Aidilfitri terus diraikan walaupun bulan Syawal semakin dekat meninggalkan kita. Dengan memanfaatkan kelebihan bulan Syawal iaitu meraihan Aidilfitri, dengan mempereratkan ikatan silaturahmi dan hubungan ukhuwah yang berpanjangan, pelbagai pihak telah mengadakan sambutan berkenaan dengan menjemput sanak-saudara dan rakan-rakan bagi sama-sama meraihkannya.

Sehubungan itu, Majlis Belia Brunei (MBB) juga tidak ketinggalan dalam sama-sama meraihan Sambutan Hari Raya Aidilfitri iaitu Ketuk-ketuk Rumah Terbuka yang telah diadakan baru-baru ini di Perkampungan Sukan, Berakas.

Majlis yang diselenggarakan oleh MBB itu telah mengumpulkan belia-belia tempatan daripada pelbagai persatuan dan kumpulan di negara ini, begitu juga dengan rakan-rakan kongsi MBB dan pihak-pihak yang berkepentingan.

Sambutan Hari Raya Ketuk-ketuk Rumah Terbuka tersebut turut dimeriahkan dengan kehadiran Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad dan pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Juga hadir bagi sama-sama memeriahkan majlis berkenaan, pegawai-pegawai daripada pelbagai agensi di sektor kerajaan dan juga sektor swasta.



MAJLIS Belia Brunei (MBB) meraihan Sambutan Hari Raya Aidilfitri iaitu Ketuk-ketuk Rumah Terbuka yang dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

BRC anjur Majlis Penghargaan, Sambutan Hari Raya



Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BERAKAS, Ahad, 5 Mei. - Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam (BRC) telah menganjurkan Majlis Penghargaan dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2024 Masihi bagi Sukarelawan BRC bertempat di Dewan Al-Afiah, Kementerian

Kesihatan, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin. Turut hadir, Ahli Majlis Kebangsaan dan Ahli Lembaga Jemaah Tadbir BRC serta

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penghargaan dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2024 Masihi (kiri dan kanan).

sukarelawan dan rakan korporat lain.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Setiausaha Agung BRC, Ir. Simon K.A. Leong di mana dalam ucapannya beliau menyampaikan penghargaan dan terima kasih kepada semua sukarelawan BRC.

Majlis diteruskan dengan penyampaian Sijil Penghargaan Sukarelawan Istiadat Perarakan Pengantin Diraja dan Sijil Penghargaan Sukarelawan Hari Kebangsaan Ke-40 Tahun Negara Brunei Darussalam yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.



Selain itu, BRC juga tidak lupa akan sumbangan rakan korporat yang telah banyak memberi sokongan kepada persatuan dan majlis menyampaikan sijil penghargaan kepada penyumbang korporat.

Majlis turut dimeriahkan dengan Sambutan Hari Raya Aidilfitri dan bersama-sama menikmati jamuan Aidilfitri sebagai masa yang penuh

kegembiraan dan kesyukuran serta mengeratkan lagi hubungan dan silaturahmi antara sukarelawan dan ahli BRC.

Majlis ini diadakan bertujuan untuk menghargai dan mengiktiraf pencapaian sukarelawan yang telah mengikuti Kursus Kecekapan Pertolongan Cemas yang disempurnakan oleh Setiausaha Agung BRC, Ir. Simon K.A. Leong.



سورهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PENTING

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

BARU



IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihidangkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapi permohonan bagi jawatan yang dipohon.

Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapi permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja

Tindakan

TIDAK DIPERAKUKAN

Meriahkan Sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama mualaf



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang juga selaku Ketua Kampung Sengkarai hadir selaku ketua rombongan dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan barangan asasi (atas dan kiri).

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Ihsan Pusat Da'wah Islamiah

TUTONG, Sabtu, 4 Mei. - Pada bulan Syawal yang mulia ini, Pejabat Unit Dakwah Daerah Tutong, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dengan kerjasama Syarikat Sha-Zan Marine Sdn. Bhd. mengadakan Majlis Songdai Beraya Bersama Mualaf di rumah kediaman mualaf, iaitu Awang Mohammad Sahaidi bin Abdullah dan Awang Normi bin Mohammad Sahaidi, di Kampung Tanjong Panjang, di sini.

Adapun perkataan 'Songdai' daripada 'Majlis Songdai Beraya Bersama Mualaf' adalah berasal daripada perkataan bahasa Tutong yang bermaksud 'Lakastah Beraya Bersama Mualaf' yang

merupakan satu majlis beramah mesra bersama mualaf dengan mengunjungi ke rumah-rumah mualaf bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri bersama-sama.

Hadir selaku ketua rombongan dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan barangan asasi, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan yang juga selaku Ketua Kampung Sengkarai.

Turut hadir, Pengarah PDI, Awang

Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh; Penolong Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman; Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong; dan wakil Pejabat Ukur cawangan Daerah Tutong; serta ahli-ahli rombongan dari PDI dan Pejabat Unit Dakwah Daerah Tutong.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh pegawai dari Pejabat Unit Dakwah Daerah Tutong, kemudian diikuti

dengan ucapan alu-aluan daripada Pengarah PDI.

Seterusnya, penyerahan Replika Penanda Arah Kiblat yang disempurnakan oleh wakil dari Pejabat Ukur Cawangan Daerah Tutong.

Majlis diakhiri dengan beramah mesra bersama mualaf bagi menyambut dan memeriahkan lagi suasana Hari Raya Aidilfitri serta mengeratkan hubungan silaturahim di samping mengembangkan syiar agama Islam kepada para mualaf.

SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI WARGAMAS



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan isteri hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas), manakala gambar bawah, antara Persembahan Lagu Hari Raya yang memeriahkan majlis.

Oleh : Hernie Suliana Haji Othman
Foto : Ihsan Pertubuhan WARGAMAS

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mei. - Sambutan Hari Raya Aidilfitri masa kini jauh perbezaannya dengan sambutan pada tahun 1960-an dan 1970-an, sama ada dari segi berpakaian, persediaan dan juga kemeriahannya.

Mereka yang pernah mengalaminya terutama dalam kalangan warga emas, setentunya ingin mengimbau nostalgia berhari raya dengan mengadakan sambutan yang bertemakan zaman 60-an dan 70-an tersebut.

Sehubungan dengan itu, Pertubuhan WARGAMAS hari ini mengadakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri dengan tema 'Berhari Raya Ala 60-an dan 70-an di Brunei' bertempat di Dewan Salma 2, Bangunan Impiana, Kiulap.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong yang juga selaku Ketua Kampung Lumapas 'B' dan isteri.

Yang Dipertua WARGAMAS, Awang Haji Abu Bakar bin

Haji Mohd. Don dalam ucapan alu-aluannya selaku Pengerusi Majlis, mengongsikan antara pengalaman yang dinikmati dengan penuh kenangan manis semasa berhari raya pada zaman tersebut.

Selain bermain Badil Buluh buatan sendiri katanya, penduduk kampung akan memasang cucul dian (lilin) atau memasang lampu pelita minyak tanah untuk memeriahkan suasana malam menjelang Hari Raya, walaupun ada antara kampung tersebut belum mempunyai bekalan elektrik atau air paip.

Menurutnya, makanan tradisi orang Brunei, Kelupis dan Wajid dimakan bersama masakan Kari Ayam Kampung dan juga Kari Daging Payau (rusa) selain kuih muih pula terdiri daripada Penyaram, Punjung, Tapai, Bahulu, Kuih Sapit, minuman pun hanya kopi dan teh sahaja.

Selain itu tambahnya, posmen adalah orang yang ditunggu-tunggu untuk menerima kad ucapan Hari Raya, yang ditulis dengan kata-kata indah dan juga pantun.

"Pakaian waktu Hari Raya masa dulu *inda* semestinya baharu, dipakai apa yang ada, *mun bini-bini* yang dibelikan oleh perindungan kain *kipar* sekayu dan *laki-laki* memakai kain *kipar* diseterika dengan tenaga kuat agar nampak tajamnya, *iski tah* hati tu *begaya* menyambut Hari Raya Aidilfitri dengan senang hati," ujarnya lagi.

Acara sambutan dimeriahkan lagi dengan Lagu Rasmi WARGAMAS dan Persembahan Lagu Hari Raya, dan seterusnya beramah mesra bersama Ahli-ahli WARGAMAS yang hadir.



سرورکرمي

جاوهي فرماينن ماس کيني يڄ برأونصور کن جودي

جماعه يڄ درجھي الله،

برتقوی له کيت کحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دَعْن منيغکنن کلیمانن کفدن. مسوځگوھن اورغ يڄ قالیغ مليا دسيسې الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ايت اiale اورغ يڄ قالیغ برتقوی. موده-مودهن کيت منجادي انسان يڄ ستياس مغايغي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، براوله کحيان دان کسلامتن ددنیا دان جوک داخيرة.

الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى برفرمان دالم سورة الشوری آية ۱۹:

تفسير:

الله مها له لموت ترهادف همبا-همبان، دي مغورنياکن رزقي کفد سسياف يڄ دکهندين دان ديله يڄ مها قرات لاکي مها فرکاس.

جماعه يڄ درجھي الله،

ککايان دان کسنگن اداله نعمت درقد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى يڄ برصفه الرازي ميري رزقي کفد مريک يڄ دکهندين. مسوځگوھن-اد بايق جارا اتاو جالن اوننوق مندافتکن سومير رزقي، اومقامن برجوجوق تانم، برنيک، ماکن کاجي دان ساومقامن.

نامون اف يڄ کورغ مينغن، اد يڄ جوبا مندافتکن رزقي ايت دغن جارا اتاو جالن يڄ ساله تنفا جوبا مقدوليکن حلال حرامن اصلکن متلامت مريک ترجائي سمات-مات اوننوق مندافتکن کاوتنوغن. جوتوهن، تردافت سکلتينر فياک يڄ منونوي جارا فرنيکاآن مريک سوفاي فقق سقرتي قربواتن ايت تيدق ساله، سکاليکوس تيدق مندافتکن کراکوان کفد فلغکن. اکن تنافي قد حقيقتن، جارا مريک منجالکن فرنيکاآن ايت ساله دان بوليه داغکن جودي دان منيقو، دغن جارا ايت مريک دافت مغاوت کاوتنوغن يڄ ليهه حاصيل درقد تيفو حيله يڄ مريک لاکوکن.

جودي ميمغ فرکارا يڄ تيدق اسينغ لاکي باکي کيت. اي ميمغ سوده وجود سحج زمان برزمان. دسيسکن اروس کمودن، کادغ-کادغ بتنوق جودي ايت تيدق جلس اتاو تيدق کنارا سباکي جودي، قد حال اي اداله جودي اتاو مبروفاي جودي.

جماعه يڄ درجھي الله،

اکام اسلام تله مغحرامکن ستمو فرجودين سام اد ملالوي فرماينن، هيپورن دان سباکين کران جودي اداله قربواتن کجي دان بردوسا بسر. فرمان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دالم سورة المائدة آية ۹۰:

تفسير:

واهي اورغ-اورغ يڄ برلمان! مسوځگوھن ارق، جودي، فموجاين برهالا دان مغوندي نصيب دغن اُنق فانه ايت اداله (قربواتن) کجي درقد قربواتن شيطان. مک هنقله کامو منجاوهين سوفاي کامو براوليه کمغن (دان کبراوننوغن).

دالم آية ترسبوت، الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى مريتنهکن سوفاي تيدق منديکي ارق، جودي، فموجاين برهالا دان مغوندي نصيب دغن اُنق فانه کران سموا فرکارا يڄ دسبوتکن ايت اداله قربواتن شيطان يڄ واجب دجاوهي اوليه اورغ-اورغ يڄ برلمان.

اخير-اخير اين، جودي منجادي سماکين موده اوننوق دلاکوکن اومقامن ملالوي فرماينن قد ماس کيني سقرتي فرماينن. BALLOON POPPER، CLAW MACHINE، ايت اورغ يڄ برلمان. RING TOSS، BASKETBALL MACHINE، POP THE BALLOON، ايت اورغ يڄ برلمان. کران سموا فرماينن اين مغويادي اونسور-اونسور جودي.

اوليه يڄ دمکن، اومت اسلام اداله دلارغ دان حرام حکومن مليتنکن ديري دالم فرماينن ترسبوت سام اد سباکي فمان، قيديا فرماينن، فغاکلان دان لاین-لاين مغناين کران اي مروفانک سواتو دوسا دان ميسکن کمورکاهن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. سباکيمان يڄ دفتواکن اوليه جبانن مفتي کرچان نکارا بروني دارالسلام مغناين فرماينن CLAW MACHINE (سيري فتوي مفتي کرچان ۱۹/۲۰۲۳) يڄ تله دکلوارکن اوليه يڄ برحمت فيهن مفتي کرچان قد ديسيمير ۲۰۲۳.

جماعه يڄ درجھي الله،

CLAW MACHINE اiale سجنس فرماينن اُرکيد بروفا سبواه کابينيت کاج منکي يڄ مغويادي جاکر بسي (الت فنجعکم) ترلنق ديباکن اُنس سبله دالم کابينيت ترسبوت. ککونان الت فنجعکم ترسبوت اiale اوننوق مغميل بارغن اتاو هديه يڄ دسدباکن دالم ميسين ترسبوت. برداسرکن جارا فرماينن ميسين اين، اي اداله فرماينن يڄ مغويادي اونسور-اونسور سقرتي براپکوت:

فرتام: فمانن دشرطکن اوننوق مبابر سجومله واغ سباکي تاروهن باکي مندافتکن هديه.

کلوا: فرماينن اين ليهه بايق برکننوغ کفد نصيب سام اد اکن دافت هديه اتاو تيدق.

کتيک: فرماينن اين اکن مندافتکن دوا کادان سام اد اوننوغ اتاو روکي.

مسوځگوھن فرکارا-فرکارا ترسبوت مروفانک اونسور-اونسور جودي. دالم بهاس عرب جودي دسبوت القمار اتاو الميسير. منوروت الجرجاني رحمه الله دالم کتابين التعريفات، القمار اiale سساورغ مغميل سسواتو ساتو فرساتو درقد صحابتن يڄ برماين دغنن دالم سواتو فرماينن. منوروت بلباو لاکي، فرماينن يڄ جوک دکاتکن جودي ايت اiale ستياف فرماينن يڄ قد کيباسانن دشرطکن دالم فرماينن ترسبوت قيهق يڄ منع اکن مغميل سسواتو سباکي هوان درقد قيهق يڄ کاله.

منوروت امام فخرالدين الرازي رحمه الله دالم کتاب تفسير منافع الغيب، الميسير اiale ستياف سسواتو (فرماينن) يڄ فدل اد فرتاروهن مک اي اداله درقد جودي.

درقد کزغن فارا علماء ترسبوت، دهمي بهاوا سواتو فرماينن يڄ دکاتکورينک سباکي جودي اتاو مغويادي اونسور جودي اiale افايلا تردافت قرتاروهن هرتا سام اد دالم بتنوق واغ ريغکيت اتاو سلاين دري قيهق يڄ ايكوت سرتا دان اي برساندرکن کفد نصيب سام اد اکن مندافت هوان درقد قرتاروهن هرتا ايت اتاو سباليقن کروکين واغ اتاو هرتا يڄ دقرتاروهکن.

جماعه يڄ درجھي الله،

ستياف فرينته دان لارغن يڄ دتفکن اوليه الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى منونجوقکن بتاف اسلام ايت اداله اکام يڄ اينده دان اکام يڄ منجاک حق-حق اومت اسلام سام اد جيو، هرتا دان لاین-لاين. مسوځگوھن فرينته دان لارغن يڄ دتفکن ايت مغاندوغي فلپاکي حکمه دان رحمة بوات همبا-همبان.

بکيتو جوک حالن دغن قربواتن جودي يڄ بوليه مروسقکن عقيدة دان مروتوهکن اخلاق سرتا جاتي ديري انديويلو ترسبوت سباکي ساورغ مسلم. ميمغ تيدق دنافيکن کيت سباکي مانسي تيدق دافت لاري دري موبات کسيلقن. اوليه يڄ دمکن، باکي يڄ تله ملاکوکن کسيلقن سام اد يڄ دسدري اتوقون تيدق دسدري، مک برسرکاله برتوبه دان مغهنتيکن اف جوا قربواتن يڄ مندافتکن دوسا. موده-مودهن دغن يڄ دمکن توبه ترسبوت دترما اوليه الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

سام-سام له کيت موهون کحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى اکر کيت سموا ترهيندر دري بلغکو جودي دان سکالا ماجم يڄ برکايين دغن. موده-مودهن دغن دمکن نکارا کيت اکن ستياس درجھي دان دريضي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، آمين يا رب العالمين.

تفسير:

واهي مانسي! ماکنله (ماکنن) درقد اف يڄ اد د بومي يڄ حلال لاکي بايک دان جاعله کامو مفيکوت ححق لغکه شيطان. مسوځگوھن شيطان ايت اiale موسوه يڄ پات باکي کامو. { سورة البقرة آية: ۱۶۸ }

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فُوزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَنَجَاتِ النَّائِبِينَ.

SEMBANG MESRA HARI RAYA PKWE



YANG Dimulikan Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Goh King Chin dan Pemangku Pegawai Daerah Tutong hadir selaku jemputan-jemputan khas pada majlis berkenaan (atas dan kanan).



Berita dan Foto : Hernie Suliana
Haji Othman

TUTONG, Sabtu, 4 Mei. - Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Tutong pagi tadi mengadakan Majlis Sembang Mesra Hari Raya sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1445 Hijrah tahun ini, bertempat di pusat berkenaan.

Hadir selaku jemputan-jemputan khas pada majlis berkenaan, Yang Dimulikan Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Goh King Chin dan Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Acara dimulakan dengan

nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan lagu PKWE 'Warga Emas Ceria' oleh Ahli-ahli PKWE yang hadir, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengurus PKWE Tutong, Awang Haji Hamaffi bin Md. Yassin, selaku Pengerusi Majlis.

Dalam ucapannya, Awang Haji Hamaffi sangar berbesar hati menyaksikan usaha berpasukan Ahli-ahli PKWE dalam menyediakan dan menjalankan acara Sambutan Hari Raya Aidilfitri berkenaan.

Kerja berpasukan ini, tambahnya, mempunyai banyak kelebihan kerana ia saling bergantung dari segi keupayaan, kepakaran, kemahiran

dan pengetahuan setiap ahli pasukan yang membawa manfaat kepada budaya bekerjasama dalam PKWE.

Majlis diteruskan dengan penyampaian hadiah cabutan bertuah 'Ikhlas Untuk Jiyu' yang disempurnakan oleh kedua-dua jemputan khas.

Majlis turut dimeriahkan lagi dengan persembahan acara pentas oleh Ahli-ahli PKWE dan seterusnya menikmati jamuan sambil beramah mesra sesama para jemputan.

AHLI-ahli PKWE yang hadir pada majlis tersebut.



Aidilfitri terus meriah diraikan



MAJLIS Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU) Negara Brunei Darussalam semasa mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Tahun 2024 (atas dan atas kanan).

TUTONG, Ahad, 5 Mei. - Sambutan Hari Raya Aidilfitri terus meriah diadakan oleh pelbagai pihak termasuklah persatuan-persatuan di negara ini. Sehubungan itu, Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU) Negara Brunei Darussalam mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Tahun 2024 bertempat di Dewan Ar Rayyan, Bangunan AMAS, Kampung Lamunin, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan selaku Ketua Kampung Sengkarai.

Yang Dipertua MKOKU, Malai@ Sharifah Adila Surya binti Malai Haji Abdullah dalam ucapan alu-aluannya antara lain menjelaskan,

majlis yang diadakan itu bukan sahaja menyambut Hari Raya dan merapatkan silaturahim sesama, akan tetapi juga sebagai salah satu cara mengintegrasikan orang-orang kelainan upaya kepada masyarakat.

Jelasnya, itu adalah salah satu cara MKOKU meningkatkan taraf OKU dan memastikan masyarakat yang inklusif. Perjuangan MKOKU katanya, sangat mencabar tetapi semangat dan ketabahan tidak akan pudar.

"Salah satu cabaran ahli-ahli warga OKU adalah aksesibiliti dalam kehidupan seharian seperti bangunan-bangunan, masjid-masjid, aksesibiliti dalam pendidikan dan sebagainya. Dan dengan itu, kami MKOKU amat berharap Yang Berhormat akan

terus prihatin akan cabaran warga OKU," ujarnya menjelaskan lagi.

Pada sambutan itu, tetamu kehormat majlis juga berpeluang beramah mesra dengan para ahli persatuan sambil melawat kiosk persatuan-persatuan yang bergabung dengan MKOKU. Sambutan tersebut dimeriahkan lagi dengan cabutan angka bertuah Lucky Draw dan seterusnya menikmati juadah yang disediakan.

Acara ini dihasratkan dapat mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan golongan OKU dan para ahli persatuan berkenaan yang bergabung bersama MKOKU. Persatuan-persatuan yang bergabung dengan MKOKU iaitu Pusat Ehsan, KACA, PAPDA, SOBD, OKP, BDNAB, ABLE, SMARTER, LLS dan Paralimpik.

Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



جابتين فرانكفون ايكونومي دان ستاتيسنيك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAI LIPAL PENGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN Fikir sebelum beli

"buleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ✓ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ✓ Dapatkan resit rasmi.
- ✓ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ✓ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna



Bilangan dan Tajuk Tawaran :
Construction Of New Covered
Parking At Asset Maintenance
And Engineering Building
AME / 2024-2025 / SH-20
(Kelas I dan II)

**Tarikh iklan / mengambil
dokumen tawaran:**
Isnin,
6 Mei 2024

**Tarikh terakhir mengambil
dokumen tawaran:**
Selasa,
21 Mei 2024

Tarikh tutup tawaran:
Rabu,
22 Mei 2024
Tidak lewat
jam 2.00 Petang



Pemberitahuan Tawaran

**Bilangan Rujukan dan Tajuk
Tawaran:**
MINDEF / DFA / 2024 / TA / VEH
/ 001
Pembelian Personnel Equipment
Transport Complete With
Trailer – Kuantiti Empat (4) Buah

Tarikh Mula Tawaran:
6 Mei 2024

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran ialah **Selasa,
7 Jun 2024.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
18 Jun 2024
Jam 2.00 Petang



Bilangan dan Tajuk tawaran:
Flight Calibration for Air
Navigation Facilities
ATELS / 2024 / LTK-01

Tarikh tutup tawaran:
21 Mei 2024,
Selasa



Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
II & III sahaja

Kategori :
KA01 & M03
(kod baharu)

1. Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 011 / 2024

Nama Projek :
Kontrak Penggal Bagi Operasi Dan
Penyelenggaraan Pam Stesen
Saliran Di Panaga Bagi Tempoh 24
Bulan

No. Projek :
2024ADKB / B00411 / 002-003-002

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa,
28 Mei 2024

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan).

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
11 Jun 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Notis Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
JAIN / 8 / 2001 – 01 (2024)

Tajuk Sebut Harga:
Pembelian Desktop Jabatan
Adat Istiadat

Tarikh Tutup / Jam :
Selasa,
14 Mei 2024,
Jam 9.00 Pagi



Kenyataan Bagi Mendapatkan
Tawaran Sebut harga

Bilangan Rujukan:

JBBSB / SH / 2024-2025 / 18 /
BPB / 01

Tajuk Sebut harga:
Pembekalan dan Pemasangan
Vertical Banner Sempena
Sambutan Perayaan Ulang Tahun
Keputeraan Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam Yang
Ke-78 Tahun Bagi Tahun 2024

Hari Tarikh dan Jam Tutup:
Khamis,
9 Mei 2024
Jam 2.00 Petang

**Keterangan Lanjut Boleh
Diperoleh Dari:**
Seksyen Pengurusan Bandar,
Tingkat 1,
Flat Perumahan Kerajaan,
Jalan Seri Beribi,
Mukim Gadong,
Bandar Seri Begawan.



Jabatan Pertanian Dan
Agrimakanan
Kementerian Sumber-Sumber
Utama dan Pelancongan

Tawaran Tapak Bagi Memajukan
Tapak Di Kawasan Kemajuan
Pertanian Tungku Daerah
Brunei Dan Muara

Bilangan :
07 / 2024

Tawaran bagi mempelawa
pengusaha-pengusaha untuk
menghadapkan permohonan
bagi menjalankan Perusahaan
Pertanian Khususnya Pengeluaran
Buah Sekoi seperti berikut :-

Lokasi :
Lot B12, KKP Tungku A, Daerah
Brunei dan Muara
Lot H1-1, KKP Tungku B, Daerah
Brunei dan Muara
Lot H1-2, KKP Tungku B, Daerah
Brunei dan Muara
Lot H2-3, KKP Tungku B, Daerah
Brunei dan Muara

Keluasan Kawasan:
Lot B12 : 2.3 hektar



Tajuk :
Perkhidmatan Penyewaan Dan
Pemasangan Televisyen Bagi
Jabatan Hal Ehwal Pengguna
Untuk Kegunaan 28th ASEAN
Committee On Consumer
Protection (28th ACCP)
Meeting And Related Meeting

Bilangan Sebut Harga :
JPES / FIN / 6 / SH.UMUM

Tarikh Tutup :
Rabu, 8 Mei 2024,
Jam 9.00 Pagi



Lot H1-1 : 5 hektar
Lot H1-2 : 5 hektar
Lot H2-3 : 5 hektar

Syarat:
Pengeluaran Buah Sekoi
menggunakan teknologi tinggi/
moden (Greenhouse, Fertigasi,
Pengairan Titis)

Tempoh iklan:
4 minggu

Tarikh mula pembelian borang:
Isnin, 6 Mei 2024

Tarikh akhir pembelian borang:
Sabtu, 1 Jun 2024

Tarikh lawatan dan taklimat:
Sabtu, 8 Jun 2024

Harga penjualan borang:
BND1.00 / borang

Tarikh akhir menghantar:
Isnin, 1 Julai 2024
sebelum jam 3.00 Petang



Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Tawaran :
JBT / S / 02 / 2024 - 2025

Tajuk Tawaran:
Kerja-Kerja Membekal Dan
Mengganti Baru Kipas Angin Di
Ruang Makan Di Gerai Kompleks
Pasarneka Dan Tamu Tutong

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu, 15 Mei 2024
Jam 2.00 Petang



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM
MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN
TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. **Lengkapkan Profil PSCR 2.0**
(WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
2. **Lengkapkan Kelulusan**
(keputusan / pengisytiharan / sijil / sijil kelulusan)
3. **Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap**
(Sijil, transkrip dan pengisytiharan Maja Kebangsaan Pengisytiharan Kelulusan (MJKPK) yang berkesan)
4. **Tandakan "X" pada kotak semak "Jawatan Sekarang"**
di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
5. **Lengkapkan Maklumat**
(Jawapan / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipertimbangkan di dalam skim iklan)

Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

1. **Teliti Skim Iklan** sebelum memohon.

2. **Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.**

Bagi Tolak / Tawaran / Suruhjaya Perkhidmatan Awam

Bagi media sosial PSCR.BN

+673 7371961 | PSCR.BN | query@spa.gov.bn



Di dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan

Kes No.
BCY / CP / 194 / 2023

Baiduri Bank Sendirian Berhad
(formerly known as Baiduri Bank Berhad)
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Mohamad Shahrin bin Shahbuddin
(00-270037)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **30 September 2023**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

Mohamad Shahrin bin Shahbuddin
No. 836, Kampung Luagan Dudok,
Tutong, TB1541
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :
20 Julai 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi** dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

Bertarikh :
4 April 2024

Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **30 September 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11), Mahkamah Besar pada 14 Mei 2024, jam 9.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **14 Mei 2024, jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan

awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
4 April 2024

Muhd Muzakkir bin Haji Zakaria
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Di dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan

Kes No.
BCY / CP / 278 / 2023

BIBD AT-Tamwil Berhad
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Khairunnisa @ Radhiah binti Duraman
(01-034440)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **18 Januari 2024**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

Khairunnisa @ Radhiah binti Duraman
No. 39, Jalan 661, Simpang 661-25, Perumahan Negara Kg. Rataie, Temburong, PE2951
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :
6 Januari 2024

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi** dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

Bertarikh :
4 April 2024

Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **18 Januari 2024**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9), Mahkamah Besar pada 29 April 2024, jam 9.45 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **29 April 2024, jam 9.45 Pagi di Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau

wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
4 April 2024

Fatin Fikriyah binti Haji Rosli
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Di dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan

Kes No.
BCY / CP / 125 / 2023

Baiduri Finance Berhad
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Jairuni bin Morney
(00-267984)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **7 Oktober 2023**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

Jairuni bin Morney
No. 1A, Block B,
Simpang 791-29-13-18-5, STKRJ
Kampung Sungai Buloh
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :
9 September 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi** dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

Bertarikh :
6 April 2024

Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **7 Oktober 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-10), Mahkamah Besar pada 3 Jun 2024, jam 10.15 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **3 Jun 2024, jam 10.15 Pagi di Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemiutang yang

telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
6 April 2024

Nurul Hidayah binti Hamdan
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Kes No
BCY / CP / 112 / 2007

BIBD AT-Tamwil Berhad
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Rubaizah binti Haji Matasim
- Penghutang Penghakiman /

Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **4 Ogos 2007** telah dibatalkan pada **17 Februari 2024**.

Nama Penghutang :
Rubaizah binti Haji Matasim

Alamat Penghutang :
Lot No. 4763, Simpang 766,
Kampung Sungai Lalit,
Lumut, KC2935,
Negara Brunei Darussalam

Bertarikh :
3 April 2024
Fatin Fikriyah binti Haji Rosli
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar



Dibukakan Kepada Pembedorong-
Pembedorong
Yang Berdaftar Di Negara Brunei
Darussalam

Kelas :
II, III, IV atau V

Kategori :
KPB12

Tarikh Buka Tawaran pada :
6 Mei 2024
(Isnin)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
28 Mei 2024
(Selasa)

Tarikh Tutup Pada :
4 Jun 2024
(Selasa)
Sebelum jam 2.00 Petang



(Ditutup di Pejabat Lembaga
Tawaran Kecil di Tingkat
Bawah Bangunan Kementerian
Pembangunan, Lapangan
Terbang Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan BB3510,
Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BL / T001 / 2024 (R)
Kerja-Kerja Penambahbaikan
dan Penyelenggaraan Landskap
Sepanjang Jalan Labu,
Daerah Temburong.

No. Projek :
JASTRE / BL / T001 / 2024 (R)

Jumlah Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)



Dibukakan Kepada Pembedorong-
Pembedorong Yang Berdaftar Di
Negara Brunei Darussalam

Kelas :
-

Kategori :
S06

Tarikh Buka Tawaran pada :
6 Mei 2024
(Isnin)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
28 Mei 2024
(Selasa)

Tarikh Tutup Pada :
4 Jun, 2024
(Selasa)
Sebelum jam 2.00 Petang

(Ditutup di Pejabat Lembaga
Tawaran Kecil di Tingkat



Bawah Bangunan Kementerian
Pembangunan, Lapangan
Terbang Lama Berakas, Bandar
Seri Begawan BB3510, Negara
Brunei Darussalam)

JASTRE / BKP / T005 / 2024
Membekal, Menghantar,
Memasang, Memeriksa, Komisen
Dan Mengendalikan Alat
Pemantauan Kualiti Udara Ambien
Memantau Partikulat
PM 10 Dan PM 2.5 Bagi Jabatan
Alam Sekitar,
Taman Dan Rekreasi

No. Projek :
JASTRE / BKP / T005 / 2024

Jumlah Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

CUNGKIL BAKAT, KEBOLEHAN PELAJAR MELAUNGKAN AZAN DENGAN BETUL



PENGARAH Pengajian Islam, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar hadir selaku tetamu kehormat pada Pertandingan Azan Subuh bagi Sekolah-sekolah Rendah Kerajaan bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan**

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mei. - Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Program dan Akademik, Jabatan Sekolah-sekolah pada hari ini mengadakan Peringkat Akhir Pertandingan Azan Subuh bagi Sekolah-sekolah Rendah Kerajaan bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi bertempat di Auditorium 1, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pengarah Pengajian Islam, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Seramai 12 pelajar Tahun 3 daripada 12 buah sekolah rendah kerajaan yang mewakili enam

kluster bertanding pada peringkat akhir berkenaan.

Pertandingan bermula pada Februari tahun ini mengikut peringkat, iaitu di peringkat sekolah dan peringkat kluster.

Sekolah-sekolah yang berjaya mara ke peringkat akhir ialah Sekolah Rendah Semabat, Temburong dan Sekolah Rendah Pintu Malim dari Kluster 1; Sekolah Rendah Haji Mohd. Salleh Sungai Hanching dan Sekolah Rendah Mabohai dari Kluster 2; Sekolah Rendah Rimba III dan Sekolah Rendah Pantai Berakas dari Kluster 3; Sekolah Rendah Jerudong dan Sekolah Rendah Batang Mitus dari Kluster 4; Sekolah Rendah

Perpindahan Kampung Bukit Beruang II dan Sekolah Rendah Lamunin dari Kluster 5; dan Sekolah Rendah Merangking dan Sekolah Rendah Pengiran Setia Negara Pengiran Mohd. Yusof, Setia mewakili bagi Kluster 6.

Johan Pertandingan Azan Subuh disandang oleh Awang Muhd. Adib Nazhan bin Mohd. Nasir dari Sekolah Rendah Haji Mohd. Salleh Sungai Hanching, manakala naib johan dimenangi oleh Awang Muhd. Izz Haikal bin Alihan, dari Sekolah Rendah Rimba III, sementara tempat ketiga disandang oleh Awang Muhd. Radin Hadizul Khaliq bin Haji Muhd. Azzatul Amin, dari Sekolah Rendah Mabohai.

Antara tujuan pertandingan berkenaan diadakan adalah untuk

mencungkil bakat dan kebolehan pelajar dalam menyampaikan azan dengan betul dan baik.

Objektif pertandingan adalah bagi meningkatkan kesedaran tentang keindahan azan dan pentingnya azan dalam kehidupan seseorang yang beragama Islam, memberi peluang kepada para pelajar bermula dari peringkat rendah bawah lagi bagi menonjolkan bakat dan kebolehan dalam menyampaikan azan serta mempertingkatkan kesedaran para pelajar untuk menghormati azan.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah pengarah-pengarah, ketua-ketua bahagian dan jabatan serta para pegawai dari Kementerian Pendidikan dan JPI, KHEU para

guru dan ibu bapa para pelajar yang menyertai pertandingan berkenaan.



SALAH seorang pelajar yang menyertai pertandingan tersebut.

Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri Masjid Kampung Bunut



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mei. - Semangat bersatu padu dan kerjasama serta persefahaman dalam kalangan Ahli Jawatankuasa (AJK) dan pegawai-pegawai masjid khususnya amatlah penting dalam sama-sama merancang dan melaksanakan satu-satu aktiviti takmir masjid.

Di samping itu juga rancangan tahunan takmir masjid yang dirancang itu hendaklah

bersesuaian dan dapat menarik minat semua lapisan masyarakat seperti kanak-kanak, belia dan beliawanis, dewasa, Muslimah dan warga emas.

Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri menekankan perkara demikian pada Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri 1445 Hijrah / 2024 Masihi berlangsung di pekarangan Masjid Kampung Bunut di sini.

PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri semasa menyampaikan Sijil Penghargaan dan Surat Lantikan AJK Takmir Masjid Kampung Bunut kepada ahli baharu.

Menurut Awang Haji Amir Hisham, menyentuh mengenai tugas dan peranan AJK Takmir Masjid ini, tugas setiap pengerusi atau penyelia masing-masing telah digariskan dalam buku yang disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), iaitu 'Pelantikan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid'.

Sebagai contoh katanya, penyelia fakir miskin hendaklah membantu pegawai masjid dalam mengenal pasti saudara-saudara kita yang kurang berkemampuan yang tidak atau belum tersenarai di bawah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) atau Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) agar mereka ini dapat dibantu oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Selain dari itu juga jelasnya, penyelia bangunan juga

berperanan dalam membantu pegawai masjid dalam memelihara keselamatan dan kerosakan bangunan masjid ini dengan memaklumkan kepada pegawai masjid mana-mana kerosakan yang perlu dibaiki serta merta atau dalam sama-sama memberi cadangan mengenai pemuliharaan atau sebarang tambahan jika perlu.

"Di samping itu juga, kebersihan masjid adalah amat penting sekali dititikberatkan kerana adalah menjadi amanah dan tanggungjawab kita semua untuk sama-sama menjaga kebersihan dan kecantikan serta kesucian masjid ini.

"Dan apa yang penting sekali ialah tugas bendahari dan pemeriksa kunci kira-kira di mana mereka perlu jujur dan amanah dalam mengurus kewangan tabung masjid supaya tidak timbul fitnah atau perkara yang tidak diingini terjadi," tegasnya.

Oleh yang demikian, Awang Haji Amir Hisham juga menekankan agar kita hendaklah merujuk kepada aturan-aturan yang telah disediakan oleh JHEM dalam semua aspek daripada proses awal meletakkan tabung masjid, proses membuka tabung, mengira duit tabung, memasukkannya ke dalam

bank dan seterusnya proses membelanjakannya.

"Dalam hal ini dinasihatkan sekali lagi kepada AJK supaya akan dapat merujuk apa-apa jua masalah atau keraguan jika ada kepada JHEM atau melalui Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Brunei dan Muara atau pegawai pemantau," ujarnya lagi.

Majlis dimeriahkan lagi dengan persembahan bacaan puisi Hari Raya diikuti dengan penyampaian Sijil Penghargaan dan Surat Lantikan AJK Takmir Masjid Kampung Bunut kepada seramai 35 ahli baharu.

Adapun majlis anjuran bersama AJK Takmir / Muslimah Masjid Kampung Bunut, Majlis Perundingan Kampung Bunut Perpindahan, Majlis Perundingan Kampung Tasek Meradun / Bunut dan Majlis Perundingan Kampung Madewa / Telanai seumpama ini untuk menyatupadukan dan mengeratkan lagi ukhuwah sesama penduduk di samping peluang untuk berkumpul dalam merayakan Aidilfitri beramai-ramai dan kesempatan untuk saling bermaaf-maafan antara satu sama yang lain.

Juga hadir, Pemangku Penghulu Mukim Kilanas serta ketua-ketua kampung di bawah Mukim Kilanas serta para penduduk sekitarnya.

SEMANGAT PERPADUAN, KEKELUARGAAN MERIAHKAN AIDILFITRI

Oleh : Ak. Jeffery Pg. Durahman
Foto : Ak. Jeffery Pg. Durahman, Ihsan Concepts Computer

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Mei. - Meraihan kemeriahan Hari Raya Aidilfitri terus riang diadakan walaupun tanpa disedari bulan Syawal semakin berada di penghujungnya. Sepanjang bulan Syawal, tidak pernah lekang dengan kemeriahan sambutan hari lebaran walaupun hakikat sebenar Aidilfitri hanyalah pada 1 Syawal.

Namun kerana budaya meraihan Aidilfitri di negara kita, sambutan Syawal masih berterusan selama sebulan. Maka terjadilah kesesakan dan kesibukan pada setiap hujung minggu Syawal dengan undangan Rumah Terbuka yang masih diterima hinggakan ada yang terpaksa ditolak kerana masa yang terbatas.

Dalam budaya Melayu pula sangat menitikberatkan menyantuni tetamu tatkala menjadi hos Rumah Terbuka Hari Raya. Beraneka juadah dihidangkan demi memastikan para tetamu yang hadir berpuas hati dan dapat mengisi perut.

Lebih menarik lagi di mana Sambutan Hari Raya Aidilfitri ini bukan hanya disambut oleh kita yang beragama Islam tetapi juga ia turut dimeriahkan dan disambut oleh mereka yang bukan berbangsa Melayu dalam sama-sama memeriahkan Hari Raya Aidilfitri ini. Ini jelas terbukti dengan adanya Sambutan Hari Raya yang

dianjurkan oleh Pengarah Urusan Concepts Computer, Vincent Pao bersama keluarga.

Menurut Pengarah Urusan Concepts Computer, Vincent Pao yang juga merupakan Naib Presiden kepada Fuzhou Shiyyi Association Uniform, Sambutan Hari Terbuka Aidilfitri secara bersama ini antaranya bertujuan agar kemeriahan dan keseronokan penganjuran dikongsi dan lebih ramai tetamu dapat diraikan yang terdiri daripada para kakitangan Concepts Computer, rakan-rakan media dan juga keluarga.

Dengan adanya acara sebegini, kita semua dapat merasakan akan keindahan dan suasana budaya berhari raya yang harus diteruskan tanpa mengira agama dan bangsa yang penting, ia diraikan dengan keikhlasan dan penuh kegembiraan rasa ikatan persahabatan dan kekeluargaan walaupun diraikan oleh mereka yang bukan berbangsa Melayu.

Vincent Pao juga berkata bahawa majlis itu memberi peluang kepada kakitangan dan keluarga beliau bertemu serta beramah mesra dengan para jemputan dan rakan-rakan media namun yang paling penting adanya semangat kekeluargaan, hormat-menghormati dan kemeriahan yang dirasakan.

"Saya amat berbesar hati dengan

SAMBUTAN Aidilfitri menyuburkan rasa hormat terutama kepada tetamu dan toleransi terhadap perbezaan dengan semangat bermaaf-maafan sekali gus menjadikan kita menghayati sambutan perayaan melalui silaturahmi pelbagai kaum.

kehadiran kaum keluarga dan rakan-rakan media serta kakitangan saya, malahan sambutan tahun ini amat menggalakkan dan terasa lebih meriah sekali apatah lagi dengan kehadiran keluarga baharu iaitu cucu lelaki saya pada Majlis Sambutan Hari Raya pada tahun ini," katanya ketika ditemui pada Majlis Sambutan Hari Terbuka Aidilfitri Concepts Computer yang berlangsung di Concepts Brilliance Hall di Kiulap, baru-baru ini.

Pada majlis yang penuh kemeriahan tersebut juga para jemputan turut disajikan dengan pelbagai hidangan termasuk sate, Nasi Beriani, kuih-muih dan biskut tradisional yang biasanya disajikan ketika sambutan Aidilfitri dan bermacam lagi.

Vincent Pao selanjutnya berkata, pengertian Aidilfitri menurutnya merupakan satu ciri kebersamaan dan ini juga adalah prinsip



agama Islam sebagai agama menyatupadukan umat manusia, menghormati sesama manusia dan memuliakan tetamu.

Sambutan Aidilfitri menyuburkan rasa hormat terutama kepada tetamu dan toleransi terhadap perbezaan dengan semangat bermaaf-maafan sekali gus menjadikan kita menghayati sambutan perayaan melalui silaturahmi pelbagai kaum

dan keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran membolehkan kita menyuntik semangat itu dalam sambutan Aidilfitri.

Pada akhir majlis tersebut, Vincent Pao juga turut mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri dalam suasana saling memberi dan menerima serta bermaaf-maafan dalam suasana mesra dan berkasih sayang.

Operasi Siaga dapati 3 kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009



PEMERIKSAAN telah dijalankan di Kegiatan Bengkel Kereta di kawasan Kampung Lumapas mendapati tiga kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009 yang dilakukan oleh majikan (atas, kanan dan bawah kanan).

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Buruh

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Mei. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh baru-baru ini telah mengendalikan Operasi Siaga 95/2024 bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan yang telah dijalankan di Kegiatan Bengkel Kereta di kawasan Kampung Lumapas mendapati tiga kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009 yang dilakukan oleh majikan iaitu dua kesalahan Bab 112(2) Kesalahan melanggar syarat-syarat Lesen Pengambilan Pekerja Asing di mana majikan telah menjalankan kegiatan yang berlainan daripada kegiatan yang telah dibenarkan oleh Pesuruhjaya Buruh dan

menyalahgunakan syarat-syarat Lesen Pekerja Asing yang mana pekerja asing yang berjawatan sebagai Welder didapati membuat pekerjaan mekanik kereta serta Bab 82 Gagal menyediakan kelengkapan pertolongan cemas.

Bagi kesalahan melanggar Perintah Pekerjaan 2009, jika didapati, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi kesalahan tersebut dan jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada para majikan untuk tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing dan melanggar akta di bawah Perintah Pekerjaan 2009 dan sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan



kehendak Perintah Pekerjaan 2009 seperti menyediakan kelengkapan pertolongan cemas.

Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian

+673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



IMBASAN MINGGUAN



JERAYAWARA Badudun Bersama Biskita yang berlangsung di Dewan Belalong, Daerah Temburong bertujuan ke arah memberi kefahaman dan mempromosikan produk serta perkhidmatan RTB kepada orang ramai. - Foto : Alishahrin Haji Mumin.



JERAYAWARA Kenali ASEAN (JKA) bagi 217 pelajar Tahun 7 dan 8 Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Kuala Belait bertempat di dewan sekolah berkenaan. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

PERSATUAN Jururawat Negara Brunei Darussalam (PENJURU) mengadakan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Adzrie Pg. Haji Nikman.

SALAH seorang peserta pada Pertandingan Pencak Silat Jemputan Sekolah Sukan 2024 anjuran Sekolah Sukan membuka tirai pada Majlis Pembukaan Rasmi yang berlangsung di Dewan Sekolah Sukan, Kampung Pulaie. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

PEMAIN bola sepak muda daripada pelbagai umur dari sekolah-sekolah kerajaan dan swasta yang terpilih dalam mempromosikan kesejahteraan umum pemain bola sepak muda di acara Klinik Bola Sepak sempena Imagine Football Fiesta (IFF) bertempat di Padang Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD). - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.





Terkini dan kontemporari, busana indah Groombybwntouch

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Ihsan Haji Abu Hurairah At-Turumudzy Haji Hamzah

PILIHAN aksesori dan busana yang sesuai dapat menambahkan lagi seri dan keyakinan pengantin semasa berlangsungnya majlis perkahwinan.

Menyedari akan pentingnya nilai estetika aksesori bagi pasangan yang akan bergelar raja sehari membuatkan Haji Abu Hurairah At-Turumudzy bin Haji Hamzah, 31 tahun dan rakannya menceburkan diri dalam industri perkahwinan dengan menawarkan perkhidmatan sewa aksesori bagi pengantin lelaki dan perempuan.

Penglibatan dalam industri perkahwinan

"Saya dan rakan saya mula melibatkan diri dalam industri perkahwinan ini sebagai juruhias pengantin lelaki pada tahun 2017 dengan mengiklankan perkhidmatan kami melalui akaun media sosial Instagram @Groombybwntouch.

"Dari sana, kami melihat peluang untuk mengembangkan perniagaan kami dalam bidang berkaitan di industri yang sama," katanya ketika ditemu bual Unit Rencana Pelita Brunei.

Pemuda berkelulusan Ijazah Sarjana dalam International Business dari Leeds Beckett University, Leeds England ini kemudian mengambil langkah selanjutnya dengan menubuhkan butik pengantin pada tahun 2019.

"Kami mula menubuhkan butik ini setelah dua tahun berkecimpung dalam industri perkahwinan.

Ini memberi kelebihan kepada kami kerana ia lebih mudah untuk kami mendapatkan pelanggan dan membantu orang ramai yang ingin mencari khidmat sewa aksesori pengantin dengan harga berpatutan," jelas beliau.

Sambutan orang ramai

Mengulas mengenai sambutan orang ramai terhadap perkhidmatan yang ditawarkan, beliau menzahirkan rasa syukur kerana sambutan yang diberikan pelanggan terhadap perniagaan mereka sejak ia mula ditubuhkan sangat memuaskan.

"Kami mengucapkan terima kasih kepada pelanggan kami yang sentiasa mempercayai khidmat yang kami sediakan dan juga orang ramai yang sudi mengesyorkan perniagaan kami kepada keluarga serta rakan mereka".

Modal / aksesori

Beliau berkata, modal yang diperlukan untuk memulakan perniagaan berkenaan adalah sekitar BND15,000 hingga BND20,000 yang merangkumi pembelian aksesori untuk disewakan dan barangan bagi membaik pulih aksesori.

"Biasanya, kami mendapatkan aksesori tersebut dengan membelinya sama ada daripada penjual yang berada di dalam mahupun luar negara," katanya.

Menjelaskan mengenai perkara utama yang dilakukan bagi menarik perhatian pelanggan, Haji Abu Hurairah At-Turumudzy dan rakannya berusaha untuk merealisasikan impian pelanggan dengan mengambil tahu mengenai aksesori yang dimahukan oleh mereka.

Pengalaman, cabaran perniagaan

Ber cerita mengenai suka duka dalam bidang perniagaan, beliau mengakui bahawa banyak yang telah mereka lalui sepanjang mengusahakan perkhidmatan sewa aksesori tersebut.

"Salah satu pengalaman duka yang kami tempuhi ialah semasa penularan pandemik COVID-19 apabila pelanggan kami terpaksa membatalkan

aksesori yang telah ditempah atau menundanya ke tarikh lain.

Oleh itu, kami perlu memastikan aksesori yang telah ditempah dan ditunda ini tidak disewakan kepada pelanggan lain pada tarikh yang sama.

Terdapat juga aksesori yang dipulangkan kepada kami dalam keadaan rosak dan kami perlu mencari penyelesaian bagi pelanggan seterusnya yang hendak menyewa aksesori yang sama," katanya.

Walau bagaimanapun, di sebalik cabaran yang ditempuhi, sokongan daripada pelanggan menguatkan lagi semangat mereka untuk meneruskan perniagaan berkenaan.

"Pengalaman indah yang dikecapi apabila kami dapat merealisasikan impian pelanggan dan mereka mengongsikan momen bahagia mereka dengan kami.

"Ada juga pelanggan yang berterima kasih kepada kami kerana sudi menerima tempahan mereka di saat akhir atau pada tarikh yang telah dekat dengan acara yang akan berlangsung," katanya.

Merealisasikan impian pelanggan dengan menyediakan aksesori dengan harga sewa berpatutan, bagi Haji Abu Hurairah At-Turumudzy dan rakannya, merupakan pencapaian terbesar

sepanjang melibatkan diri dalam bidang tersebut.

"Selain itu juga, kami berasa bangga dapat berkolaborasi dengan butik perkahwinan yang lain".

Perancangan

"InsyaAllah, perancangan kami pada masa hadapan adalah ingin menambah perkhidmatan kami dengan menyewakan baju pengantin dan pelamin serta menubuhkan sebuah kafe.

"Semoga harapan dan doa kami akan tercapai dengan jayanya, dengan petunjuk dari Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Allahumma Amin*," katanya.

Beliau turut menyarankan kepada para belia yang ingin melibatkan diri dalam bidang keusahawanan untuk mencari perniagaan dalam bidang yang disukai kerana ia akan lebih mudah untuk dijalani.

"Seringlah bergaul dengan persekitaran yang positif dan pupuk keinginan untuk terus belajar agar perniagaan dapat ditingkatkan.

"Memang semua perniagaan akan menghadapi masalah, namun belajar untuk tidak mudah rasa kecewa dan putus semangat. Jadikan ia sebagai cabaran untuk awda lebih berjaya lagi," katanya sebelum mengakhiri perbualan.



Memperkasa belia berwawasan

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Jabatan Penerangan

BELIA harapan negara. Inilah cogan kata yang sering didengar dan sudah sinonim dengan golongan belia yang merupakan kelompok dominan dan berpengaruh demi melahirkan sebuah negara bangsa yang berjaya. Mengapa kita memfokuskan kepada belia? Mengapa negara mengutamakan perkara-perkara yang berhubung kait dengan belia? Jawapannya tidak bukan adalah belia yang bakal pewaris bangsa, merekalah yang akan menaani segala tanggungjawab demi mengukuhkan pembangunan negara dan di bahu merekalah juga terletak cabaran bagaimana untuk kekal mencemerlangkan negara di mata dunia. Mungkin kita tertanya-tanya setakat mana sumbangan yang diberikan oleh para belia ini untuk kemakmuran negara, tanah air yang tercinta ini serta mewarisi kelangsungan pembangunan politik, ekonomi mahupun sosial.

Pembangunan dan kemajuan negara lazimnya dikaitkan dengan usaha dan inisiatif daripada pemimpin dan pentadbir negara. Sebaliknya, setiap peringkat umur dalam masyarakat mempunyai peranan masing-masing dalam menaikkan nama negara di persada dunia. Khususnya golongan belia yang bakal menjadi pengganti kepada ketua-ketua keluarga, organisasi mahupun pemimpin negara.

Mereka yang bakal menggantikan golongan pemimpin di setiap peringkat sama ada keluarga, masyarakat, organisasi mahupun negara seharusnya dibentuk dengan elemen kepimpinan yang terbaik.

Justeru negara perlu membekalkan serta menyiapkan belia untuk tetap teguh dan terus

bertahan menahan segala cabaran serta berani menghadapi apa jua masalah yang mungkin timbul kelak baik dari segi ekonomi, kesihatan, pentadbiran dan lain-lain lagi. Apa yang pasti, belia memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk dan mencorak pembangunan serta kemajuan negara ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Belia berilmu pemangkin pembangunan negara

Peranan utama yang harus digarap oleh golongan belia adalah menguasai ilmu pengetahuan. Pentingnya menuntut ilmu pengetahuan sebagai proses untuk kesejahteraan dunia mahupun akhirat. Para belia harus mempersiapkan perisai ilmu pengetahuan dari pelbagai aspek atau bidang kerana mereka merupakan pewaris kelangsungan hidup sesebuah negara. Pendidikan merupakan kunci kejayaan terhadap sesuatu perkara. Pemerkasaan pembelajaran bagi golongan belia wajar dimaksimumkan sebaik mungkin supaya mereka didedahkan dengan pelbagai kemungkinan yang mampu menjadi pemangkin kejayaan diri atau negara pada masa akan datang. Dengan kemudahan teknologi hari ini, tiada alasan yang menjadi penghalang kepada golongan belia untuk mendapatkan sebarang ilmu dan pengetahuan.

Kita tidak mahu golongan ini leka terjebak dengan pelbagai kemelut sosial yang kian melanda akhir-akhir ini kerana ini hanya akan membinasakan serta merosakkan sesebuah tamadun bangsa. Dan kita tidak mahu perkara seperti ini terjadi di bumi Darussalam ini. Negara perlukan belia yang mempunyai intelektual tinggi bagi meneruskan dan

memajukan negara pada masa hadapan nanti.

Belia yang berkualiti dengan ilmu, berkemahiran dan berakhlak mulia akan mampu menjadi sumber tenaga manusia yang diharap oleh negara dan mempunyai ciri-ciri 'Generasi Berwawasan' yang mampu bersama dalam menyumbang ke arah pembangunan dan kemajuan negara selain perlu mempunyai semangat jati diri, ketahanan diri fizikal dan mental, berjiwa patriotik, berdisiplin serta mempunyai nilai-nilai murni sebagai anak Brunei yang bercaklakan identiti kebruneian yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja.

Negara akan terus membangun jika semua belia menyalurkan khidmat kepakaran bidang masing-masing. Tidak ada alasan lagi kenapa negara tidak maju, kenapa negara jauh ketinggalan daripada negara luar, kenapa pembangunan masih di tahap 'sederhana'? Belia negara perlu mempunyai aspirasi yang melangkaui pemikiran kerana seorang belia yang berilmu pasti akan melangkah setapak di hadapan daripada belia yang hanya bersikap 'tunggu dan lihat'. Sebagai contoh, seorang belia yang berilmu pengetahuan yang pakar dalam bidang ekonomi boleh merangka dasar pembangunan bukan sahaja membantu dari aspek kewangan bahkan boleh membuka ruang untuk golongan berpendapatan rendah turut serta dalam pembangunan tersebut. Tidak dinafikan belia mampu mengubah negara dengan sumbangan kepakaran masing-masing dan inilah yang negara kehendaki untuk terus maju setanding negara luar.

Dalam mengecapi wawasan masyarakat minda kelas pertama, golongan muda hendaklah memelihara kesihatan dari segala aspek sama ada fizikal, mental dan

juga kerohanian. Remaja yang sihat secara fizikal dan juga mental dapat membentuk jati diri yang mapan kerana badan yang sihat menjana otak yang cergas.

Kehebatan belia bermula dari rumah

Peribahasa 'melentur buluh biarlah dari rebung' jelas menunjukkan kepada kita bahawa segala didikan dan tunjuk ajar perlu bermula dari rumah oleh ibu bapa sendiri. Ibu bapa harus diingatkan bahawa anak-anak umpama kain putih untuk dicorakkan. Salah didikan bakal menjadi barah yang membunuh masa depan permata negara ini. Selain nasihat melalui kaedah lisan, ibu bapa menjadi suri tauladan kerana kepimpinan melalui teladan lebih dekat dengan jiwa anak-anak.

Kesimpulan

Golongan belia sebenarnya memainkan peranan yang sangat signifikan terhadap pembangunan negara serta kemajuan negara. Tanpa golongan belia yang berwawasan, proaktif, negara akan sukar untuk meneruskan kelangsungan kemajuan dan pembangunan yang diharapkan. Semangat juang para belia adalah seperti akar yang menguatkan pasak pohon negara. Sumbangan bakti golongan ini menjadi kekuatan dalaman dalam membangunkan negara tanpa mengira ruang lingkup politik, ekonomi mahupun sosiobudaya. Segala peranan dan tanggungjawab yang digalas para belia diharapkan dapat memajukan negara kita. Semua pihak masing-masing mempunyai tanggungjawab dalam menggalas tugas untuk meningkatkan kecemerlangan dan sahsiah para belia kita yang bakal menerajui kepimpinan negara.

PILIH ISLAM SEBAGAI PEGANGAN HIDUP

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Da'wah Islamiah

BERAKAS, Ahad, 5 Mei. - Seorang lelaki berbangsa Kadazan-Dusun menemui sinar baharu dengan memeluk agama Islam dan melafazkan ikrar pengislaman serta dua kalimah syahadahnya petang tadi, dalam satu majlis yang berlangsung di Jalan Salam Perpaduan, Rancangan Perumahan Negara Kampung Lambak Kanan. Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan lafaz ikrar pengislaman serta dua kalimah syahadah oleh Laurell Wharton, 37 tahun yang memilih nama Islamnya sebagai Awang Muhammad Aliff Astellero bin Abdullah.

Majlis disempurnakan di hadapan pegawai dari Bahagian Pengembangan Da'wah, Pusat

Da'wah Islamiah (PDI).

Sejurus itu, atur cara diteruskan lagi dengan penyampaian cenderamata kepada saudara baharu yang diraikan dan diselajurkan dengan Dikir Marhaban dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Sejak awal Januari hingga 2 Mei 2024, seramai 120 orang telah memeluk agama Islam di Negara Brunei Darussalam.

LAFAZ ikrar pengislaman serta dua kalimah syahadah oleh Laurell Wharton, 37 tahun yang memilih nama Islamnya sebagai Awang Muhammad Aliff Astellero bin Abdullah.



Zahir rasa syukur atas kemudahan yang disediakan

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman, Nooratini Haji Abas, Marlinawaty Hussin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BELAIT, Ahad, 5 Mei. - Para penduduk kampung khususnya yang tinggal di kawasan pedalaman di Daerah Belait terutamanya penduduk yang menetap di rumah-rumah panjang menzahirkan rasa penuh kesyukuran dan menjunjung kasih atas segala kemudahan yang disediakan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dengan kemudahan yang disediakan itu jelas menunjukkan kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini sentiasa dipedulikan walaupun jauh di pedalaman dan itu jelas membuktikan mereka yang jauh di pelosok bandar tidak terpinggir daripada mengecap kemudahan-kemudahan dalam sama-sama meningkatkan taraf hidup masing-masing.

Bukan itu sahaja, setiap kali pada bulan Syawal, para penduduk kampung juga teruja menerima kunjungan berhari raya oleh pelbagai agensi dalam sama-sama meraikan Hari Raya.

Ketika ditemui semasa acara Lawatan Muhibah sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang dianjurkan oleh Kementerian

Pembangunan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) di Ulu Belait, beberapa penduduk kampung mengongsikan perasaan mereka.

Seri anak Raman mengongsikan ini bukan kali pertama kunjungan muhibah dari kementerian-kementerian ke Rumah Panjang Apak-Apak, Bang Taong bahkan, sebelum ini juga pernah dikunjungi oleh lainnya seperti keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bercemar duli dan juga Kementerian Kesihatan.

Begitu juga dengan Sambutan Hari Raya Aidilfitri di rumah panjang tersebut. Jelasnya, suasana Rumah Panjang Apak-Apak, Bang Taong sama seperti di tempat-tempat lain yang menyambut Hari Raya dalam suasana meriah, gembira dan harmoni. "Kami akan berkumpul bersama-sama meraikan Hari Raya Aidilfitri bersama dengan penduduk dan penghuni di Rumah Panjang Apak-Apak, Bang Taong," ujarnya.

Menurut Dayang Nor Hikmah binti Abdul Rahman, 51 tahun, setiap pintu di rumah panjang tersebut didiami oleh keluarga masing-masing mengikut jumlah keramaian ahli keluarga mereka.

Beliau yang juga suri rumah tangga di rumah panjang berkenaan turut menyatakan masalah yang dihadapi apabila berlakunya cuaca yang tidak baik sehingga menjejaskan lampu terpadam.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Ahli Jawatankuasa Keluarga DMS Dian, Rosnah binti Dato Maharaja Setia Haji Muhd. Simpok berkata bahawa Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Rumah Besar Kampung Sukang diadakan secara meriah setiap tahun bagi meraikan kunjungan saudara-mara yang datang dari jauh.

"Apabila tiba hari-hari perayaan seperti Hari Raya, ramai ahli keluarga yang menetap di bandar akan balik dan bermalam di sini bagi membuat persiapan sambutan.

Suasana agak meriah kerana kami semua akan berkumpul dan bergotong-royong untuk membuat persiapan Hari Raya pada malam sebelumnya," katanya kepada Pelita Brunei.

Menurutnya, Rumah Besar Kampung Sukang itu didiami oleh lima buah keluarga dan hampir 100 peratus penghuni rumah berkenaan telah pun memeluk agama Islam.

Mengulas mengenai kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh pihak

Kerajaan bagi Rumah Besar Kampung Sukang itu, beliau menzahirkan rasa syukur kerana, dengan adanya kemudahan yang disediakan, ia dapat menarik minat ahli keluarga yang telah menetap di kawasan bandar untuk kerap balik mengunjungi rumah besar berkenaan.

Manakala Awang Abdul Azim bin Pehin Datu Pekerma Dewa Haji Muhammad Ali, salah seorang penghuni Rumah Panjang Julangan Titah Kampung Melilas, turut mengucapkan rasa syukur beliau atas pemberian segala kemudahan oleh pihak kerajaan kepada para penduduk di Rumah Panjang Julangan Titah berkenaan.

Menurutnya, jika dibandingkan dulu dengan sekarang, sudah banyak perubahan dirasakan, di mana sekarang mereka disediakan dengan bekalan air, jentera tenaga elektrik, telefon, sambungan internet, kemudahan jalan raya dan sebagainya. Berbanding dulu ujar beliau, mereka hanya menggunakan air hujan dan air dari sungai, ataupun terpaksa membeli air botol bagi kegunaan harian.

"Alhamdulillah, ucapan syukur dan menjunjung kasih atas kurniaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan baginda kepada penduduk kampung di sini yang tinggal di kawasan pedalaman," ujarnya yang kini bertugas sebagai seorang bilal.

Beliau turut mengongsikan, Sambutan Hari Raya dalam kalangan penduduk yang tinggal di Rumah Panjang tersebut juga



TIMBALAN Pengerusi Ahli Jawatankuasa Keluarga DMS Dian, Rosnah binti Dato Maharaja Setia Haji Muhd. Simpok, Dayang Nor Hikmah binti Abdul Rahman dan Seri anak Raman.

tidak kurang meriahnya di mana mereka juga mengadakan Rumah Terbuka dan menjemput ahli-ahli keluarga serta jiran tetangga untuk datang berkunjung ke

rumah. Menurutnya lagi, penghuni Rumah Panjang tersebut adalah mereka yang berbangsa Iban dan kebanyakannya kini sudah pun memeluk agama Islam.



AWANG Abdul Azim bin Pehin Datu Pekerma Dewa Haji Muhammad Ali.

NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM

Sentiasa Mengekalkan Jarak Selamat

#YOUandME

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

www.mkkjr.gov.bn



ARAB SAUDI, MAGHRIBI, MESIR GESA GENCATAN SENJATA SEGERA DILAKSANAKAN DI GAZA

ANKARA, 5 Mei. - Arab Saudi, Maghribi dan Mesir pada Sabtu menggesa supaya satu gencatan senjata dengan kadar segera dilaksanakan di Gaza yang diserang secara berterusan oleh Israel, menurut Agensi Anadolu.

"Isu Palestin kekal sebagai satu keutamaan bagi umat Islam, mencerminkan suara masyarakat Islam dalam menyokong saudara mereka di Palestin bagi memastikan mereka mempunyai akses terhadap hak mereka," kata Menteri Luar Arab Saudi Putera Faisal bin Farhan bin Abdullah Al Saud di Sidang Kemuncak Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) Ke-15 yang berlangsung di ibu negara Gambia, Banjul.

"Sejak serangan dilancarkan, Kerajaan Arab Saudi telah bekerjasama dengan sejumlah pihak dan negara untuk melindungi penduduk Gaza," katanya.

"Serangan Israel masih berterusan malah ditingkatkan terhadap orang awam, hospital, sekolah dan prasarana, mengakibatkan ribuan penduduk menjadi mangsa," kata menteri itu.

Beliau berkata Arab Saudi menegaskan permintaannya supaya satu gencatan senjata segera dan berkekalan di Gaza dapat dilaksanakan dan mengulangi gesaan supaya laluan selamat disediakan untuk mengurangkan penderitaan rakyat Palestin.

Raja Maghribi, Raja Mohammed VI dalam titahnya menzahirkan gesaan baginda supaya serangan berterusan ke atas Gaza yang tidak pernah berlaku sebelum ini dihentikan bagi membolehkan bantuan kemanusiaan sampai ke seluruh Gaza.

"Kami menegaskan permintaan kami supaya serangan berterusan

yang tidak pernah berlaku sebelum ini dihentikan dengan segera, dalam jangka masa panjang dan menyeluruh untuk membenarkan kemasukan bantuan kemanusiaan di seluruh Semenanjung Gaza," titah baginda.

"Hati kami luka dan berdarah di atas serangan kejam ke atas Gaza yang menempatkan warga Palestin dalam keadaan yang amat berbahaya, yang memalukan kemanusiaan," titah Raja Mohammed.

Raja Mohammed bertitah : "Apa yang memburukkan lagi keadaan ialah peningkatan serangan daripada pelampau dalam kalangan peneroka Israel di Tebing Barat di bawah naungan pegawai Kerajaan Israel."

Dalam titah baginda, Raja Mohammed meminta tindakan unilateral dan menyalahi undang-undang Israel menyasarkan wilayah Palestin yang diduduki termasuk Baitulmuqaddis dan Masjid Al-Aqsa dengan tujuan untuk mengubah status kebudayaan dan perundangan Baitulmuqaddis, dihentikan.

Anadolu melaporkan Raja Mohammed menegaskan penolakan baginda terhadap

semua bentuk pengusiran secara paksa, hukuman secara kolektif dan tindak balas terhadap rakyat Palestin.

Menteri Luar Mesir, Sameh Shoukry pula memberi amaran bahawa penolakan Israel terhadap keamanan akan mengheret keseluruhan rantau ini dalam ancaman yang tidak pernah dihadapi sebelum ini.

Shoukry menggesa pelaksanaan keputusan Majlis Keselamatan dan Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) supaya gencatan senjata dilaksanakan dengan segera di Gaza, selain daripada memudahkan penghantaran bantuan kemanusiaan ke sana.

"Mesir memberi amaran sekiranya terhadap percubaan Israel untuk menawan Rafah, penempatan terakhir 1.5 juta pelarian Palestin," katanya.

Beliau meminta satu pendirian tegas terhadap ilusi menyelesaikan isu Palestin menerusi pengusiran secara paksa warga Palestin dari Tebing Barat dan Gaza, diambil.

Beliau menegaskan tiada alternatif kepada penubuhan sebuah negara Palestin merdeka mengikut sempadan pada 4 Jun

1967 dengan Baitulmuqaddis Timur sebagai ibu negaranya dengan resolusi antarabangsa yang sah bagi memastikan kestabilan di Timur Tengah.

Shoukry berkata : "Barangkali dengan peluasan skop semasa konflik di Laut Merah dan rantau ini merupakan petunjuk terbaik bahawa pendekatan Israel menolak keamanan akan mengheret keseluruhan rantau ini kepada ancaman yang tidak pernah dialami sebelum ini."

Sidang Kemuncak OIC bermula pada Sabtu di Banjul, Gambia.

Persidangan selama dua hari itu dengan tema 'Meningkatkan Perpaduan dan Solidariti menerusi Dialog untuk Pembangunan Mampan' bagi menangani isu global terutamanya keadaan di Palestin dan serangan berterusan Israel ke atas Semenanjung Gaza yang telah mengorbankan lebih 34,600 orang.

Pada persidangan itu tiga dokumen utama - draf resolusi Palestin, draf kenyataan Banjul dan draf dokumen akhir akan dibawa kepada Majlis Menteri Luar dan seterusnya dibincangkan dalam sidang kemuncak itu. - ©BERNAMA

Konflik di Gaza terus jadi "perang terhadap wanita" - UNRWA

GAZA, 4 Mei. - Israel terus menyasarkan wanita dalam serangan tanpa henti rejim Zionis di Semenanjung Gaza, kata Agensi Kerja dan Bantuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian Palestin (UNRWA) pada Jumaat.

Agensi PBB menerusi kenyataan media di platform X memaklumkan bahawa lebih 10,000 wanita telah terbunuh dan 19,000 yang lain cedera dalam serangan Israel ke atas Gaza.

"Perang di Gaza terus menjadi perang terhadap wanita," kata UNRWA.

Secara purata, 37 kanak-kanak di Gaza kehilangan ibu mereka setiap hari, lapor Agensi Berita Xinhua yang memetik UNRWA.

Agensi itu berkata keadaan hidup amat "mengerikan" bagi lebih 155,000 wanita hamil atau ibu yang menyusukan anak di Semenanjung Gaza yang berdepan kesukaran untuk mendapatkan air dan kemudahan kesihatan.

Sementara itu, pihak berkuasa kesihatan Gaza berkata bilangan kematian akibat serangan Israel ke atas Gaza telah meningkat kepada 34,622 dan lebih daripada 77,867 lain cedera sejak konflik Israel-Hamas meletus 7 Okt lepas. - ©BERNAMA

Malaysia mahu perkukuh hubungan ASEAN-India

NEW DELHI, 4 Mei. - Malaysia menggesa untuk mengukuhkan hubungan ASEAN-India semasa pegawai kanan India dan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara bertemu di New Delhi untuk mengkaji semula kerjasama antara kedua-dua pihak.

Ketua Pengarah bagi Sekretariat Kebangsaan ASEAN-Malaysia, Datuk Zanariah Zainal Abidin mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat Pegawai Kanan ASEAN-India (AISOM) Ke-26 yang diadakan pada 2 hingga 3 Mei.

Mesyuarat itu membincangkan pelbagai projek dan inisiatif dalam skop Perkongsian Strategik Komprehensif ASEAN-India.

Menurut Kementerian Luar, Malaysia menyokong peningkatan kerjasama dalam peralihan tenaga, perdagangan, memerangi keganasan, pendigitalan serta sains, teknologi dan inovasi.

Malaysia menekankan pendiriannya yang konsisten mengenai situasi di Palestin, terutamanya di Gaza, semasa para pegawai bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan global yang mempunyai kepentingan bersama.

Sementara itu, Kementerian Hal Ehwal Luar India dalam satu kenyataan berkata persediaan untuk Sidang Kemuncak ASEAN-India yang akan diadakan di Vientiane, Laos turut dibincangkan.

Mesyuarat itu dipengerusikan bersama oleh Setiausaha (Timur) Kementerian Hal Ehwal Luar India, Jaideep Mazumdar dan Setiausaha Tetap Kementerian Luar Singapura, Albert Chua. - ©BERNAMA

Musim kemarau : Agensi cuaca Indonesia beri amaran cuaca panas, hujan

JAKARTA, 4 Mei. - Kira-kira 63.66 peratus wilayah Indonesia akan mengalami musim kemarau dari Mei hingga Ogos tahun ini, menurut Badan Meteorologi, Klimatologi dan Geofisika (BMKG) negara itu.

"Apabila Mei bermula, beberapa kawasan akan memasuki awal musim kemarau manakala yang lain kekal dalam fasa peralihan. Ini bermakna awal Mei mungkin akan membawa suhu panas dan langit cerah pada waktu siang," menurut timbalan meteorologi BMKG, Guswanto dalam satu kenyataan.

Beliau juga menjelaskan bahawa gelombang haba baru-baru ini di beberapa kawasan Asia tidak mempunyai kaitan dengan suhu panas di Indonesia, dengan menyatakan bahawa haba di negara itu adalah kitaran disebabkan oleh pergerakan

matahari dan cuaca siang yang cerah.

Gelombang haba yang ditakrifkan oleh Pertubuhan Meteorologi Sedunia adalah satu tempoh cuaca panas yang berlangsung lima hari atau lebih, dengan suhu maksimum harian melebihi purata sebanyak 5°C atau lebih.

"Secara meteorologi, ini berlaku apabila udara panas terperangkap berhampiran permukaan kerana dinamik atmosfera yang luar biasa, menyebabkan aliran udara yang terhad, terutamanya dalam sistem tekanan tinggi berskala luas yang berpanjangan.

"Keadaan cuaca seperti itu tidak mungkin berlaku di Indonesia, terletak berhampiran khatulistiwa," kata Guswanto.

Berdasarkan data BMKG, suhu melebihi 36 darjah Celsius (°C)

telah direkodkan di pelbagai wilayah di Indonesia, termasuk Deli Serdang (Sumatera Utara) pada 37.1°C, Medan (Sumatera Utara) pada 36.6°C dan Kapuas Hulu (Kalimantan Barat) pada 36.6°C.

Walaupun beberapa kawasan mengalami cuaca panas, Guswanto menegaskan bahawa masih terdapat kemungkinan hujan sederhana hingga lebat di beberapa bahagian Indonesia.

Pada penghujung April 2024, hujan lebat berlaku di beberapa wilayah dengan Kerinci (Jambi) menerima 83.8 milimeter sehari (mm/hari), Manado (Sulawesi Utara) mendapat 80 mm/hari, Aceh Besar (Aceh) mengalami 130 mm/hari, Minangkabau (Sumatera Barat) menerima 84 mm/hari dan Indragiri (Riau) mengalami 92 mm/hari. - ©BERNAMA

Kumpulan terakhir tentera India tinggalkan Maldives pada 10 Mei

NEW DELHI, 4 Mei. - Kumpulan terakhir anggota tentera India yang mengendalikan sebuah pesawat di Maldives akan meninggalkan negara kepulauan itu menjelang 10 Mei, kata Kementerian Luar Maldives pada Jumaat.

Perkembangan itu susulan pertemuan antara pegawai kanan India dan Maldives di New Delhi pada Jumaat untuk membincangkan isu baki anggota tentera India dan perkara-perkara dua hala lain.

"Kedua-dua pihak yang berpuas hati menyatakan bahawa kerajaan

India akan menggantikan anggota tentera di tiga platform penerbangan yang terakhir pada 10 Mei dan semua persiapan logistik sedang berjalan mengikut jadual," kata Kementerian Luar Maldives dalam satu kenyataan.

Kementerian Hal Ehwal Luar India pula berkata perbincangan itu termasuk "kerjasama pertahanan, projek kerjasama pembangunan, usaha untuk meningkatkan perdagangan serta pelaburan dua hala dan inisiatif pembinaan kapasiti".

Mesyuarat seterusnya bagi kumpulan teras peringkat tinggi India-Maldives akan diadakan di Male pada tarikh yang dipersetujui bersama pada Jun atau Julai.

Kira-kira 90 anggota tentera India ditempatkan di Maldives sebelum ini untuk mengendalikan dua helikopter dan sebuah pesawat Dornier.

India telah pun menggantikan anggota tentera untuk dua platform penerbangan dengan orang awam seperti yang diminta oleh pentadbiran baru Presiden Mohamed Muizzu. - ©BERNAMA

SEKOLAH SUKAN DOMINASI PERTANDINGAN PENCAK SILAT JEMPUTAN



PEMANGKU Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Norilham bin Haji Jais semasa hadir pada Pertandingan Pencak Silat Jemputan Sekolah Sukan Ke-3 dan seterusnya bergambar ramai di Dewan Sukan sekolah berkenaan.

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Mei. - Sekolah Sukan membuktikan keunggulan pesilat mereka dengan mendominasi jumlah pingat sebanyak 11 emas, 11 perak dan lima gangsa daripada 28 pesertanya sekali gus memintas empat pasukan lain pada Pertandingan Pencak Silat Jemputan Sekolah Sukan Ke-3 bertempat Dewan Sukan sekolah berkenaan.

Pasukan CoT Belait menduduki tempat kedua dengan kutipan empat pingat emas diikuti Skim JBS Tutong berjaya mengutip dua emas, disusuli Skim JBS Brunei Muara dengan satu emas dan kemudiannya CoT Temburong di tangga tercorot.

Pertandingan bermula sejak 3 hingga 5 Mei itu menyaksikan

pesilat-pesilat mewakili Sekolah Sukan meraih pingat emas iaitu Awangku Muhd. 'Aqeel Fadlullah bin Pengiran Haji Mohd. Yasrizam Ayub menjuarai Kategori Tanding Lelaki 'B' (43-47kg); Md. Azinuddin Md. Azree juara Kategori Tanding Lelaki 'C' (47-51kg); Kategori Tanding Lelaki 'D' dimenangi oleh Fadlullah Rezal; juara Kategori Tanding Perempuan 'B' (43-47kg) ialah Fatin Hazirah Muhidi; Nur Fatin Marzuqah Abdullah Asrizal memenangi Kategori Tanding Perempuan 'C' (47-51kg) serta Kategori Tanding Lelaki 'E' (55-59kg) dijuarai oleh Md. Raid Naim Md. Syamsuddin.

Manakala pemenang Kategori Tanding Lelaki 'F' (59-63kg) ialah wakil pesilat CoT Belait, Muhammad Nur'Aafi Rahimi

Sanif; Kategori Tanding Lelaki 'G' (63-67kg) dimenangi oleh pesilat Skim JBS Brunei Muara, Md. Hawwari Mohammad Masuni serta Nur Asyifa Shabeqah Masli menjuarai Kategori Tanding Perempuan 'D' (51-55kg).

Hadir menyempurnakan penyampaian pingat ialah Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Norilham bin Haji Jais yang juga seterusnya menutup pertandingan berkenaan.

Terdahulu, pertandingan juga menyaksikan pusingan akhir Kelas 'B' Wanita dan Kelas 'C' Lelaki dan kemudiannya penyampaian pingat kepada para pemenang dan penutup gelanggang

dipersembahkan oleh Ketua CoT Pencak silat, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Awang Abdul latif bin Duraman.

Penyertaan pertandingan kali ini menerima seramai 66 peserta daripada lima kumpulan dan

berentap bagi mengetengahkan jaguh-jaguh pesilat muda yang seharusnya digarap untuk menyerlahkan ketangkasan dalam memperkembangkan lagi bakat dan kemahiran ke peringkat yang seterusnya.



ANTARA yang beraksi pada pertandingan tersebut.

Pupuk semangat kesukanan, cintakan kesihatan



SUASANA aktiviti Rentas Desa anjuran Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (atas), manakala gambar kanan, kelihatan semangat murid yang menyertai aktiviti berkenaan.

BERAKAS, Sabtu, 4 Mei. - Kira-kira 1,000 murid dari Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SR YSHHB) pagi tadi menyertai Rentas Desa anjuran SR

YSHHB melalui Bahagian Aktiviti Kokurikulum yang berlangsung di kawasan sekolah berkenaan, di sini.

Rentas desa berkenaan menyaksikan para pelajar berlumba

lari sejauh 0.9 kilometer bagi Kategori 'A' (Tahun 1 dan 2), manakala Kategori 'B' (Tahun 3 dan 4) dan Kategori 'C' (Tahun 5 dan 6) pula bertanding sejauh 1.6 kilometer.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



Pertandingan berkenaan antara lain diadakan untuk menanam semangat cintakan kesihatan menerusi aktiviti bersukan, selain mendidik pelajar dengan

semangat ingin bersaing serta membiasakan para pelajar untuk mengatasi kesukaran dan mengutip pengalaman baharu melalui Mini Maraton Rentas Desa.



KEJOHANAN WUSHU ANTARABANGSA BRUNEI LABUH TIRAI



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan bergambar ramai dan berbual mesra ketika berangkat ke Kejohanan Wushu Antarabangsa Brunei Kali Pertama 2024 (kiri dan bawah kiri).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum

Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan berangkat menyaksikan Kejohanan Wushu

Antarabangsa Brunei Kali Pertama 2024 pada hari ketiga kejohanan yang berlangsung di Pusat Belia di ibu negara, pagi tadi.

Sebanyak lima lagi pingat emas yang dikutip oleh Pasukan Wushu Negara Brunei Darussalam (NBD), menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 29 pingat emas.

Presiden BDNOC juga berkenan mengurniakan penyampaian sijil penghargaan dan hadiah kepada pengurus pasukan serta pingat kepada para pemenang bagi Kumpulan 'C' Nangun Wanita dan Duilian Lelaki.

Sebanyak 12 kategori dipertandingkan pada hari ketiga, iaitu Gaya Bebas Nangun Lelaki, Gaya Bebas Qiangshu Lelaki, Gaya Bebas Nangun Lelaki, Gaya Bebas Nangun Wanita, Kumpulan 'D' Daoshu Lelaki, Kumpulan 'C' Nangun Wanita, Kumpulan 'C' Jianshu Wanita, Kumpulan 'B' Gunshu Lelaki, Kumpulan 'B' Qiangshu Lelaki, Kumpulan 'B' Taijiquan Wanita, Duilian Wanita

dan Duilian Lelaki.

Emas yang diperoleh adalah daripada Gaya Bebas Gunshu Lelaki, Gaya Bebas Nangun Lelaki, Nangun Kumpulan 'C', Jianshu Wanita Kumpulan 'C' dan Duilian Lelaki.

Para atlet negara mengutip sebanyak 29 emas, 13 perak dan 13 gangsa melalui acara Gaya Bebas Changquan Lelaki, Gaya Bebas Nangun Lelaki, Kumpulan 'C' Daoshu Lelaki, Gaya Bebas Taijiquan Wanita, Gaya Bebas Taijiquan Lelaki, Kumpulan 'A' Nangun Lelaki, Kumpulan 'C' Changquan Wanita, Kumpulan 'C' Nandao Wanita, Kumpulan 'C' Nangun Lelaki, Kumpulan 'B' Nandao Wanita, Kumpulan 'B' Nandao Lelaki, Kumpulan 'B' Changquan Lelaki, Kumpulan 'B' Taijiquan Wanita, Gaya Bebas Daoshu Lelaki, Gaya Bebas Taijiquan Wanita, Kumpulan 'C' Changquan Lelaki, Kumpulan 'B' Daoshu Lelaki, Kumpulan 'C' Taijiquan Wanita, Kumpulan 'C'

Taijiquan Lelaki, Kumpulan 'A' Nangun Lelaki, Kumpulan 'B' Nangun Wanita, Gaya Bebas Nandao Lelaki, Gaya Bebas Taijiquan Lelaki, Kumpulan 'A' Nandao Lelaki, Kumpulan 'B' Nangun Wanita, Kumpulan 'B' Nangun Lelaki, Kumpulan 'C' Nangun Wanita, Kumpulan 'C' Taijiquan Lelaki, Kumpulan 'C' Taijiquan Wanita, Gaya Bebas Gunshu Lelaki, Gaya Bebas Nangun Lelaki, Kumpulan 'C' Nangun Wanita, Kumpulan 'C' Jianshu Wanita, Kumpulan 'B' Taijiquan dan Duilian Lelaki.

Sebanyak lapan pasukan termasuk pasukan NBD telah bertanding dan diharap semua atlet akan mendapat manfaat daripada menyertai kejohanan berkenaan serta dapat menambah pengalaman dan kematangan yang mereka perlukan untuk menang dalam setiap pertandingan.

Penganjuran kejohanan seumpamanya juga akan dapat meningkatkan kemahiran hakim Wushu tempatan serta kakitangan teknikal.

Hari kedua kejohanan mempertandingkan beberapa kategori

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Tangkap Layar RTBG

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan berangkat menyaksikan Kejohanan Wushu Antarabangsa Brunei Kali Pertama 2024 yang telah memasuki hari kedua kejohanan, baru-baru ini.

Kejohanan yang berlangsung di Pusat Belia, di ibu negara itu, menyaksikan beberapa kategori dipertandingkan antaranya Kategori Gaya Bebas Changquan Wanita, Gaya Bebas Changquan

Lelaki, Gaya Bebas Daoshu Lelaki dan Gaya Bebas Taijiquan Wanita.

Pada kejohanan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah juga berkenan mengurniakan penyampaian pingat kepada pemenang-pemenang Kategori Taijiquan Wanita.

Lapan pasukan mengambil bahagian dalam kejohanan berkenaan iaitu Pasukan Wushu Negara Brunei Darussalam, Pasukan Wushu Australia, Wen Zhou Yi Tao Quan dari China, Thirteen Dynasties Competitive Wushu Association Hong Kong, Wushu Aceh, Indonesia, North Sumatra Wushu Indonesia, Ding

Feng Wushu Academy, Malaysia serta Wushu Sport Academy, Malaysia.

Manakala pada sebelah petang kejohanan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua juga berkenan berangkat menyaksikan kejohanan tersebut yang turut mempertandingkan beberapa kategori.

Beberapa kategori dipertandingkan pada sebelah petang antaranya, Kategori Gaya Bebas Daoshu, Nandao dan Taijiquan. Pada kejohanan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan mengurniakan penyampaian pingat kepada pemenang-pemenang bagi Kategori Gaya Bebas Nandao Lelaki, Gaya Bebas Taijiquan Lelaki dan Kumpulan 'C' Nangun Wanita.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan bergambar bersama para penerima pingat.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA MELIMPAHKAN KEBERKATAN HIDUP KEPADA SESIAPA MENERJAKAN AMALAN SOLEH